dulu!Terima kasih kerana terus berbakti untuk bangsa dan negara kita yg tercinta ini pada usia yg tak semua org dpt kecapai kurniaan dr Illahi.Spt org lain saya jg rindu pemerintahan spt zaman Tun dulu di mana kita sentiasa di hadapan negara2 ASEAN lain dlm banyak aspek.Saya percaya kebanyakan rakyat msia sedar tentang kejujuran dan keikhlasan Tun ketika menjadi PM dulu.Bagi yg berfikiran rasional Tun bukanlah diktator!Diktator mana nak lepas kuasa dan takhta.Tun juga bukan berdendam dengan Dato Anwar kerna Tun hanya menjalankan tugas sbg PM untuk memimpin rakyat ketika itu.Ini yg ramai org muda tak faham!!Mereka tak dpt berimajinasi utk menjadi pemimpin spt Tun.Betapa Tun memecat beliau setelah sabit kesalahan disamping sifat2 negatif yg ditonjolkan beliau bila di'cubit' oleh pembangkang ketika itu.Langsung tiada kesabaran, tawaduk dan pendekatan yg berhemah digunakan oleh beliau.Tun telah jelaskan kpd kami, hakim yang mensabitkan kesalahan Dato Anwar itu.Kerana tugas mensabit dan menghukum adalah di bwh kuasa/kerja hakim.Bukan Tun yg mendedahkan berkenaan salahlaku spt kes liwat itu kerana jika Tun yg mendedahkan kpd umum maka musuh Tun menjadikan ia propaganda wujud konspirasi Tun menjatuhkan beliau secara nyata.Terdapat banyak isu yang saya fikir perlu Tun uraikan secara efektif kerana keadaan sekarang ini lebih ramai yang lebih mempercayai cerita drpd fakta sehingga sinikal dari Tun juga dijadi isu yang kononnya benar.Org Melayu dah terlalu disogokkan dengan hiburan di sana sini spt Akademi Fantasinya..etc hingga sukar berfikir dengan lebih matang dan rasional.Sekian dahulu komen saya.Semoga Allah terus panjangkan usia Tun dan isteri serta berterusan dikurnia minda yg tajam untuk menyumbang pada bangsa dan negara.

By Oumono on [July 8, 2008 12:15 PM](#)

Betol tu Tun!..

Rasuah in broad day light!

Teruskan perjuangan Tun. Bagi panduan kepada kami rakyat Malaysia untuk kuatkan lagi bantahan..

Tuhan akan sentiasa merahmati Tun.

By penukul on [July 8, 2008 12:15 PM](#)

assalamualaikum,
dear all,

Tak ada pun kedengaran NGO GERAK(group anti rasuah),pakatan rakyat besuara.Agaknya mereka nie pun dah dapat gula gula.
Tapi kalau bab cari kesalahan TUN mereka dan keluarga mereka cepat bertindak.Selagi boleh korek mereka korek.(sampai tersalah korek @%\$#*?&)
Tahun depan rasanya taknak bayar cukai pendapatan-rasa mcm membazir.Lebih baik duit cukai yg nak di bayar kpd kerajaan Pak Dol & Co tu kita guna utk anak anak-lebih afdal.

Wassalam.

Gandingan Najib dan Mohideen nampak serasi

By Mentel on [July 8, 2008 12:15 PM](#)

Y.A.Bhg Tun Dr. Mahathir,

1. Saya amat bersetuju dengan ingatan Tun terhadap cara untuk membelanjakan wang kerajaan. Sememangnya telah ada General Orders (Perintah Am) bagi urusan serta etika penjawat-penjawat awam, juga ada Financial Procedure Act (Akta Acara Kewangan) bagi segala urusan kewangan kerajaan. Bagi badan-badan berkanun, ada Akta Badan-Badan Berkanun dan bagi GLC? sewajarnya Financial Procedure Act digunapakai.

2. Saya pernah berkhidmat dalam kerajaan dari 1987 hingga tahun 1997 dan sebagai penjawat awam, saya diajar bahawa setiap sen yang hendak dibelanjakan harus ada accountability dan kesemua akta serta pekeliling yang berkaitan terutamanya Pekeliling Kementerian Kewangan harus dipatuhi setiap masa.

3. Sekiranya kita melihat Perlembagaan Persekutuan serta akta-akta yang berkaitan dengan kewangan, kesemua hasil serta perbelanjaan dibuat melalui apa yang dipanggil Kumpulanwang Terkumpul dimana Kumpulanwang Mengurus, Kumpulanwang Pembangunan serta Kumpulanwang Amanah adalah agregat kepada Kumpulanwang Terkumpul tersebut. Juga dinyatakan untuk membelanjakan setiap sen dari Kumpulanwang Terkumpul, harus mendapat kelulusan Parlimen melalui suatu Akta.

4. Dengan jelas dinyatakan, setiap perbelanjaan kerajaan harus diluluskan oleh suatu akta Parlimen yakni ianya mesti dibentangkan belanjawan tahunan untuk diluluskan. Pengecualian adalah kepada perbelanjaan kecemasan atau dharurat. Maka inilah apa yang dimaksudkan akauntabiliti awam.

5. Setiap projek pembangunan terutamanya pembangunan wilayah (contoh : KESEDAR, MADA, LADA, LDA, Kejora dll) hanya boleh dilaksanakan melalui suatu akta tertentu. Kita melihat SJER-->WPI-->Iskandar Malaysia, NCER, ECER, SCORE merupakan bentuk-bentuk pembangunan wilayah. Adakah kesemua ini telah mempunyai Akta-akta Parlimen khusus untuk pembangunan yang berkaitan? Sekiranya EPU merancang pembangunan-pembangunan wilayah tadi, saya amat pasti ianya tidak mungkin terlepas pandang akan keperluan akta bagi pembangunan wilayah-wilayah yang dimaksudkan. Mungkin hanya ianya "koridor" maka apakah tidak lagi perlu suatu akta Parlimen?

6. Kesemua keperluan akta-akta tersebut dari segi idealnya adalah untuk tidak meletakkan khazanah Negara dalam ketidak tentuan risiko. Inilah apa yang dimaksudkan akauntabiliti awam dimana permohonan dibuat dan Parlimen meluluskannya melalui akta.

7. Permerhatian Y.A.Bhg Tun mengenai cara membelanjakan wang rakyat kini amat wajar diberi perhatian oleh kesemua Ahli-Ahli Parlimen dan juga rakyat kerana pada

pendapat saya jika perbelanjaan yang dibuat tidak mendapat kelulusan Parlimen melalui sesuatu akta, maka ianya boleh diiktirafkan sebagai perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak dibenarkan. Maka dengan itu, individu yang meluluskannya harus bertanggung jawab.

By abramosa  on [July 8, 2008 12:17 PM](#)

Salam Tun,

Betul lah Tun, saya setuju ngan Tun... Saya pun hairan kenapa AAB tak yah bentang budget untuk belanjakan wang yang banyak... Tindakan yang diambil serupa jugak memancing SOKONGAN... Hmm.. samalah macam RASUAH jugak.

Wallahualam

By Seti on [July 8, 2008 12:19 PM](#)

Assalamualaikum Tun sekeluarga. Saya sentiasa men doakan kesejahteraan Tun. Topik hari ini nampaknya membidas AAB sendiri yang melaung-laungkan "nak menghapus rasuah, menegak keadilan" macam kerajaan terdahulu mengamalkan sifat rasuah dan tak telus.

Tetapi kini kena batang hidung dia, setakap cakap saja tapi dalam masa yang sama beliau sendiri yang mengamalkan sifat-sifat ini, malah lebih teruk dan rakyat pun nampak.

Hari ini keluar "statement" yang laman blog sekarang yang memudaratkan dan menyebabkan ketakstabilan politik hari ini. Pasai apa nak takut, kalau benar?

Mari lah wahai pelayar blog che.det semua kita sama-sama berganding bahu menyokong Tun membaikpulihkan ekonomi dan politik negara.

By Neil on [July 8, 2008 12:19 PM](#)

Tun, our pm is now getting the message .At least he response by saying that there is too RUBBISH in your blog and that of others.

By Teoh on [July 8, 2008 12:21 PM](#)

Kepala Negara sudah jadi begini, apa kata orang bawah dia? Kalau kerajaan terus begini, Malaysia akan runtuh tak lama lagi

By maksulong on [July 8, 2008 12:21 PM](#)

salam Tun,teman memang setuju ngan komen che yus...apasal deme-deme kat ateh tu tak gunakan otak kepala deme dengan betoi...gune duit org suke hati deme je...yang teman marah sangat bukan ape tak dipikio ke rakyat yang dok merane...ade dipikionye bende-bende gini...HARAM...idak ingat langsung..teman bukannya ape takut negare kite tergadai...gare-gare si BODOLah....ate Tun nak kami buat ape????

By CLYD on [July 8, 2008 12:22 PM](#)

With global economic soaring, gov should use the funds for the right purposes! Gula-gula is for kids.... I don't get it, why after raising the oil price by 40% and then on the other hands giving rebate for road tax. Dont they ever know, it's not only the amount money that matters to us, but the value of our money, who on earth going to save us from inflation crisis, how's our country going to grow while inflation a constant threat to us?

By Anak Johor on [July 8, 2008 12:22 PM](#)

Bapak kepada segala rasuah yang melibatkan berbillion RM duit rakyat!!!

By [gohhoehoe](#) on [July 8, 2008 12:23 PM](#)

Selamat sejahtera Tun

Saya ingat itu lah satu pengaruh ANWAR, disini saya ingin bertanya adakah royalti sebanyak 20% peratus itu satu yang wajib diberikan kepada negeri negeri yang mengeluarkan minyak petrolium mengikut undang undang. Pendapat saya ia lah Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak jujur, kalau ingat negeri pengeluar minyak tak di layan adil, kenapa tak bangkitkan isu ini waktu jadi Menteri Kewangan dan cuba menawarkan candid sekarang pula.

yang benar HOHO

By rams609 on [July 8, 2008 12:25 PM](#)

Dear Tun,

Kalau orang lain kasi itu rasuah Tun....
kalau Raja Dollah yang kasi duit itu baru BARUAH kasi RASUAH!!!

Maaf Tun kalau terkasar bahasa, tapi bukan ditujukan untuk Tun, tapi untuk dia....

Respect is given where it's due and you certainly have mine!

Take care Tun!

By devastator on [July 8, 2008 12:28 PM](#)

Salam Tun,

Every civilization doom not because of other thing, is just because their leader unwilling to accept the facts and doing everything to show their ego. Erogant and believe that they can undo all things. Hitler, Napoleon, Julius Ceasar, Sultan Mahmud Syah, China's Emporer, India's Emporer, Alexander, Tsar, Firaun, Othmaniyah once there were a great civilization but all perish due to unwilling to accept the facts. They will do everything to ensure they still in power. Leaders always forget that time change and they have to change accordingly.

By bg on [July 8, 2008 12:29 PM](#)

Assalamualaikum,

Sebagai anak jati Pulau Pinang,saya sendiri merasakan teramat malu sangat mempunyai Ketua Negara macam Pak Lah ni dan yang kedua ni si DSAI (yang bulur nak jadi ketua negara)tapi perangai "kotoq"(kotor).

Pak Lah ni pada mula nya memang kami harapkan dapat meneruskan kepimpinan Tun (selepas harapan tengok DSAI jadi PM berkecai)tapi satu demi satu kelemahan mulai ditonjolkan selepas memegang jawatan daripada membatalkan projek jambatan bengkok sampai lah dok pi taboq (tabur) gula gula untuk cuba nak tutup kelemahan kepimpinan beliau sendiri.Ada pulak Deputy (si Najib)ni asyik dok angguk kepala saja (macam anak patung india "AMMAK SAMY").

Macam Najib sendiri mengaku- "keadaan politik negara kini semakin kotor",soal nya sapa yang bagi kotoq tu..

By nambai on [July 8, 2008 12:30 PM](#)

The government has always been using th rakyat's money to spend to meet its needs

By malan3395 on [July 8, 2008 12:33 PM](#)

Dear Tun & all.....,

Sy rs Tun kna buat come back. Ktarang dh x thn dgn kepimpinan PLah. Jka kta tgok lani sume negri yg dikuasai pambangkang dh lntang pukang. Sy yakin ms PRU12 dlu kita sume bkanlah skog pambangkang tp psl kta meluat dgn PLah. Dh xda plihan lain tepaksala pngkah pambangkang. Tun please make a come back for us, country, nation before your age 90.

By Tuah on [July 8, 2008 12:33 PM](#)

askum tun, rakyat dengar apa yang di tulis oleh YAB tun, tapi apakah formula yg harus rakyat buat untuk menyelesaikan masalah negara yg dlm keadaan kelam kabut ini. orang2 yg dipilih oleh rakyat pada pru 12 lalu ternyata tidak dapat berbuat apa2 seperti kehendak rakyat yang diwakili mereka. baik wakil2 rakyat dari pihak kerajaan ataupun pambangkang seolah olah hanya mementingkan elaun wakil rakyat mereka setiap bulan.

saya berharap sebagai seorang mantan pemimpin no 1 negara yang telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang di kagumi dunia YAb Tun dapat mengajar rakyat bagaimana untuk menyelesaikan kemelut yang sedang berlaku sekarang.

By Tuah on [July 8, 2008 12:34 PM](#)

askum tun, rakyat dengar apa yang di tulis oleh YAB tun, tapi apakah formula yg harus rakyat buat untuk menyelesaikan masalah negara yg dlm keadaan kelam kabut ini. orang2 yg dipilih oleh rakyat pada pru 12 lalu ternyata tidak dapat berbuat apa2 seperti kehendak rakyat yang diwakili mereka. baik wakil2 rakyat dari pihak kerajaan ataupun pembangkang seolah olah hanya mementingkan elaun wakil rakyat mereka setiap bulan. saya berharap sebagai seorang mantan pemimpin no 1 negara yang telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang di kagumi dunia YAb Tun dapat mengajar rakyat bagaimana untuk menyelesaikan kemelut yang sedang berlaku sekarang.

By molongkolong on [July 8, 2008 12:35 PM](#)

CheDet,

Saya orang sabah sepatutnya gembira dengan gula-gula yang diberi. Tetapi jika perbelanjaan itu tidak dirancang, dibajet dan diluluskan secara sah maka saya tak rela terima gula-gula dari punca yang tidak sah. Yang menjadi persoalan adakah PM ada kuasa mengubah peruntukan yang telah diluluskan oleh parlimen? Jika ya apakah gunanya bajet diluluskan oleh parlimen?

Bayaran ex-gratia kepada bekas hakim daripada peruntukan mana? Adakah dari poket PM?

Kalau dalam hal-hal biasa ini dipanggil pecah amanah jenayah kerana menggunakan wang bukan atas tujuan yang telah diluluskan.

Malang bagi Malaysia kerana mempunyai kerajaan yang tidak bertanggung-jawab.

By ANAK-DAMIT on [July 8, 2008 12:35 PM](#)

saya sebenarnya respek juga ngan pak-lah ni..mna tak nya..baru sekali lawatan pegi sabah..dia suda bley kira budjet (bagik je la 1 billion) dengan hanya melihat tanpa kertas, calculator..pak lah suda bley hafal harga simen, besi, formwork, kerja2 M&E, finishing..suma pak-lah suda hafal..sebab kepala tukang, foreman, site supervisor, engineer pun tak bley kira sehebat pak-lah..pak-lah, wa respek la sma lu..ko mmg terer..

---> Ir. pak lah

By renee' on [July 8, 2008 12:38 PM](#)

salam Tun dan readers semua,

Dari pagi saya menunggu coretan Tun, rasa mcm lama benar menunggunya. Sudahlah saya menyertai strike utk tidak membeli dan membaca akhbar jadinya bila menunggu hasil nukilan Tun, rasa lama sesangat. Walau bagaimanapun terima kasih kerana masih sudi luangkan masa untuk kami rakyat semua.

saya bersetuju dgn Tun dalam hal ini, Menggula-gulkan rakyat satu hal, bimbangny Pak zzzz (pinjam word dari one of the readers) ni buat kerja separuh jalan. sekejap jadi sekejap tidak, apatah lagi dgn sikap beliau yang suka berubah2 membuat keputusan. tau2lah orang yang kuat tido ni agak susah untuk memisahkan realiti dan fantasi. Sudahnya duit terbengkalai, cakap jer melambung, apapun tarak. menbazir lagi.

Projek gula2 itu bukan setakt utk men 'diabetic'kan rakyat, ianya juga adalah penting utk memastikan projek berbillion tu hanya boleh dibolot oleh anak beranak beliau sahaja, utk beliau, anak beliau dan tentunya menantu beliau juga adanya.

Dalam kemelut ekonomi dan politik negara yang semakin meruncing, saya terfikir juga, apakah Pak zzz ni masih lena diulit mimpi? kerana saya takut, bila2 masa Pak zzz bangun dari lena yang panjang, yang beliau tinggalkan hanyalah satu sejarah dan kebencian rakyat yang tak ingin mengingati dan mengenangi 'Abdullah Bapa Kejatuhan!

kepada Tun,

Jaga diri naa.. semoga Allah melindungi dan menberkati Tun seisi keluarga.

By AnthonyLeong on [July 8, 2008 12:38 PM](#)

Salam Tun,

Memang betul cakap tun, jika kami tengok suasana politik and ekonomi sekarang, saya gagal nampak ada apa-apa faedah dibawakan oleh Kerajaan Pak Lah kepada rakyat. Pelbagai jenis alasan yang tak logik diberikan oleh Kerajaan Pak Lah untuk semata-mata mengelakkan daripada tanggungjawab beliau yang tidak berupaya mengendalikan negara ini.

Bagi apa yang saya dapati, kerja beliau macam hanya diuruskan oleh beberapa pihak tertentu yang degil sangat untuk menerima komen2 dan aduan2 rakyat yang sedang derita.

Misalnya : Bila ada aduan rakyat tentang hidup susah disebabkan kenaikan harga minyak, mereka asyik akan memberi jawapan yang sama : ini bukan hanya berlaku di sini, malah juga berlaku di seluruh dunia! Kami kena membuat semua ini adalah untuk kebaikan masa jangka panjang.

Itu saja yang kami asyik dengar.. tapi apakah mereka buat untuk masa jangka pendek??? betulkah apa yang seperti tun sebut: buat perlaburan wang (gula-gula) untuk projek-projek yang tidak ada kaitan langsung dengan Rancangan Malaysia atau bajet bagi tahun ini menyebabkan wang tak cukup kena turunkan semua subsidi dan batalkan semua projek-projek yang menguntungkan rakyat?

Rakyat sudah mula derita ke atas apa yang berlaku baru-baru ini, adakah kerajaan Pak

Lah dengar tak?? Kalau tak, silalah tukar orang yang lebih berperikemanusiaan!!
#ALL THE BEST TUN!#

By pue on [July 8, 2008 12:39 PM](#)

salam tun,
kerajaan skrg hanya tahu menghabiskan duit dan tidak tahu macam mana nak cari duit..
apalah paklah.. tahlah.. malah nok kato gapo..

By tayadiH maysiA on [July 8, 2008 12:43 PM](#)

Salam Tun,

Itulah masalah PM flip flop, bukan itu saja, banyak lagi masalah dan salah laku PM flip flop dan anak beranaknya. Yang menjadi masalahnya, orang UMNO sendiri "malu" untuk "menendang" PM flip flop dari takhta pemerintahannya. Bercakap sampai berbuih-buih mulut pun tidak berguna. Tulis panjang berjela pun tidak guna, kalau tiada usaha drastik dan konsisten untuk "menendang" PM flip flop ini. Yang orang UMNO sibuk, fasal kes liwat, campur tangan Amerika (DS Syed Hamid senyap apabila ditanya tentang bukti) kerajaan PR bagi air percuma, pemilikan tanah, dan macam2 lagi perkara positif yang dilakukan oleh PR. Yang peliknya, tiada pulak orang UMNO hendak bersuara tentang kerenah PM FLIP FLOP dan anak menantunya, harga minyak naik, harga barang naik, salah laku pemimpin sendiri. Pada pandangan saya, apabila Malaysia dah jatuh ke tangan PR, baru mereka hendak ambil tindakan itu, tindakan ini. Masa itu nanti, segala-galanya sudah terlewat. Orang UMNO cepatlah tendang PM flip flop dari takhtanya sebelum nasi menjadi bubur. Tepuk dada tanya selera orang UMNO!!!!

By Sweetblack on [July 8, 2008 12:44 PM](#)

Yg Bhg Tun,

Apa yang Tun katakan adalah betul, Tapi walau sebanyak mana sekali pun gula-gula yang Pak Loh tabur kat Sabah, rakyat Sabah tak akan termakan dengan gula-gula tersebut.

Saya pasti pembangunan yang dijanjikan tidak akan terlaksana kerana itu hanya janji mulut saja. Sedangkan projek-projek yang telah dalam perancangan pun Pak Loh boleh batalkan, inikan pula janji mulut!!!!Mengarutlah.....

RAKYAT SABAH TIDAK AKAN TERMAKAN JANJI JANJI KOSONG PAK LAH.....

Saya cadangkan agar Pak Lah datang semula ke Sabah dan umumkan PENURUNAN harga MINYAK, itu boleh membeli hati rakyat Sabah, kalau setakat janji beri berbilion ringgit untuk pembangunan tapi rakyat masih juga dibebani masalah kenaikan harga minyak dan barang keperluan seharian buat apaaa??????

By adieNING on [July 8, 2008 12:46 PM](#)

salam ayanhanda tun...

sad but true..pak lah has brought many damages to our social, political and economic scenario.

5 years on economic slowdown since the day he step into the PM's office.For me it's acceptable if he wish to feed his kronies well..but not at the expense of the rakyat..with proper economic planning, eveybody will benefited from any project which has good economic values.but sadly, that doesn't seem to happen.it doesnt cut both ways.all the corridors ideas is a total dumb. sounded promising on paper, but the actual fact, its only icing on the cake.. no concrete planning or firm agenda.

People said all your mega projects was a total was of peoples' money..yet they failed to realize (well..some of us) the vision tht u saw in those projects...what an amazing leader you are..u ideas and vision is 20 years ahead from the rest of us..

By Abd Halim Omar on [July 8, 2008 12:46 PM](#)

AAB bagi gula-gula kat Sabahan, takut ramai lah yang kena kencing manis nanti.. Mula-mula sedaplah, lepas tu merana.

Semoga Tun dan keluarga sihat dan di lindungi selalu.

By khairuddin on [July 8, 2008 12:49 PM](#)

YABhg. Tun,

Salam hormat. Saya teringat pada 2006, bermulanya RMK9 yang dilancarkan secara besar-besaran. Dengan publisiti yang meluas melalui media TV dan surat-surat khabar dan diadakan Majlis Peresmian dan Pelancaran oleh YAB Perdana Menteri. Pembangunan Negara dilaksanakan melalui Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara (Five Year Development Plan) bermula dari Rancangan Pembangunan Malaya Pertama sehinggalah Rancangan Pembangunan Malaysia Ke Sembilan (RM9). Disamping Long Term Perspective Plan, Medium Term Plan (5 year Plan), rancangan pembangunan juga dilaksanakan melalui yearly budget examination. As far as we are concerned, the Ninth Development Plan is an ordinary development plan like the previous 5 year Development Plans. RMK9 yang dilancarkan secara besar-besaran pada tahun 2006 seolah-olah satu mega projek yang baru. Para penyokong memuji ini adalah satu projek raksasa yang tidak pernah dijalankan.

Pemimpin yang berwawasan akan memperkenalkan satu idea yang konkrit yang mungkin tidak pernah difikirkan oleh pemimpin lain. Memberi goodies kepada rakyat adalah perkara biasa. Seorang Pemimpin Sabah dahulu di awal tahun 70an pernah memberi gula-gula kepada rakyat dalam bentuk wang tunaimelalui Yayasan Sabah. Akhirnya, pemimpin itu dijatuhkan oleh rakyatnya sendiri.

By kroolaznizam on [July 8, 2008 12:51 PM](#)

Salam Tok Det....

Lagu 3 Beranak,
Muka penuh taik,
Datang Patrick Bodohwee,
Dapat projek lagi...
Bila sudah kenyang,
Bodohwee nyanyi sama,
Ingat rakyat tak perasan,
asik bagi gula-gula...
Menantu kat tingkat 4,
buat kira-kira,
Bodohwee kat Putrajaya,
Asik tidur saja...
Hei!!!

Scomi kat belakang,
dok kaut untung,
Bodohwee diam saja,
kena cucuk hidung.. hidung... hidung...

* 1st time dapat salam and cium tangan Tok Det last Sunday kat Hilton PJ.... (saya tersenyum sambil tidur lena)
remember me Tok, "keep on writing"... Hehe

By zariqmal on [July 8, 2008 12:56 PM](#)

Assalamualaikum Tun,
Saya amat sedih sekali sebagai rakyat Malaysia dengan apa yang berlaku sejak kebelakangan ini. Bermacam-macam cerita yang timbul disana sini, seperti Malaysia ini adalah sebuah padang permainan yang mana siapa hebat atau ada helah dan taktik, maka dialah yang akan menjadi juara.
Walau saya tidak dikenali, tetapi saya mengenali ramai pemimpin kita dan tau ketokohan mereka. Seperti Tun juga, saya amat kagum dengan kepimpinan Tun sebelum ini, saya juga pernah bersalaman dengan Tun sebagai rakyat dengan pemimpin semasa saya berada di Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia saya begitu gah berada di luar negara dengan kerana Malaysia telah dikenali dipelusuk rantau dunia. Tapi sekarang saya amat sedih dan malu apabila orang luar berkata tentang kepincangan negara kita, baik dari segi politik mahupun isu-isu semasa yang begitu memalukan kita sebagai rakyatnya.
Segala yang berlaku sekarang bagi saya amatlah merugikan kami sebagai rakyat baik. Kepincangan politik dan isu-isu yang mengaitkan ahli2 politik dan tokoh2 pemimpin kita semestinya akan mengakibatkan kepincangan untuk memimpin negara dan rakyatlah yang akan menanggung sengsara.
Sampai bila kita harus begini? Orang luar akan terus mentertawakan kita. Dulu saya amat kagum dengan pepatah melayu kita "Hujan Emas di negeri orang, Hujan Batu di negeri

sendiri", lebih baik di negeri sendiri, tapi dalam keadaan sekarang sebagai rakyat kami tentunya berfikir sebaliknya kerana tiada siapa yang dapat menjanjikan kesenangan untuk kami sebagai rakyat biasa.

Bangsa yang begitu agung bertelagah sesama sendiri, maka kestabilan sudah payah untuk kita kecapai. Semuanya akan merugikan negara dan rakyat. Bagaimana untuk memimpin negara dan rakyat sekiranya diri sendiri tidak dipimpin? Tepuk dada tanya diri sendiri.

By Wong Fey Hong  on [July 8, 2008 12:56 PM](#)

Assalamualaikum,

Keadaan semakin teruk sekarang nih sejak AAB jadi PM. Terbakar jugak darah muda saya ni bila fikir benda ni, dimana duit rakyat dengan sewenang-wenangnya dibelanjakan mengikut suka hati AAB.

Saya sungguh sedih dan marah.

Saya dapat rasakan, AAB tak pedulik melayu sama melayu bergaduh, asalkan matlamat peribadinya tercapai.

Wallahualam.

By qausar on [July 8, 2008 12:57 PM](#)

Dear Sabahan/Sarawakian,

Minta maaf, tapi ini kenyataan, ms pergi kursus kahwin, ada penceramah bekas ketua institusi agama islam di negara ini, bertanykn soalan "Siapa sini org sabah?" ada beberapa org angkat tgn. Then penceramah tu ckp "Sori byk2, tapi kbykn islam kt Sabah hanya pd nama, x sembahyang". Apa yg dia ckp melalui pengalaman berbelas tahun berkhidmat di Sabah. Saya ada ramai kawan sabah and sarawak,..mmg ternyata mereka miskin tauhid. Jgn salahkn org semenanjung or menteri kenapa ekonomi anda semua tidak maju. Saya pernah ke sabah, ramai ibu bapa tiday mempedulikn akademik anak2 meraka, kata meraka sekolah atau tidak sama sajor.

Sudah la pendidikan utk hidup di dunia kurang ditambah lagi dgn kurang didikan agama, macam mana mahu jadi negeri yg maju?? Jgn salahkn guru2 dari semenanjung yg tidak pandai mengajar anak2 pedalaman, jikalau sendiri tidak cukup guru2 dari sabah sarawak sendiri utk mengajar mereka. Saya ada seorang kwn yg sudah beberapa tahun mengajar di pedalaman Sabah,..maaf jika bunyinyer agak keras, dia kat "bodoh mcm tahik, malas nak belajar n dtg sekolah" jikalau mmg bodoh,..masih boleh sabar,..tapi kalu dah malas n plus parent pon x ambik pusing,..cikgu pon ada tahap kesabaran jugak, mereka pon manusia,..akhirnyer jadi la org dungu and tidak membawa kemajuan pd ekonomi sabah. Ramai rakyat2 sabah,..yg x pandai sembahyang,..tiada ilmu basic,..jd mereka cepat terpesong pd ajaran sesat seperti Ajaran Jemaat Ahmadiyah atau Qadiani yg berpusat di

India/pakistan. Pergi la ke daerah Elopura Sandakan,..maka anda akan tahu apa yg saya ckp ni betul. Mereka yg tidak tahu menahu psl ajaran Islam yg benar,..menjadi taksub dgn ajaran ini. Apa nak jadi dgn mereka ni,..ni x masuk lagi bab2 tiada warganegara, tapi menetap dan beranak pinak di Malaysia.

Saya harap dgn pendedahan ini,..di harap pihak bertanggungjawab dapat menyiasat mengenai ajaran sesat Qadiani yg berleluasa di Sandakan Sabah, juga isu2 hak warganegara. Dan kpd Sabahan and Sarawakian, ingatlah "Lazy is the Original Sin" jgn asyik tuding kesalahan pd org2 semenajung, baiki di sendiri dgn ilmu dan ajaran agama masing2. Anda sendiri yg menyebabkn negeri anda tidak maju, the greatest asset is yourself, human capital.

By Jamal on [July 8, 2008 1:02 PM](#)

Dear Tun,

My best regards to you and your family. With all due respect, can I ask you a question which had been nagging me for sometime.

It is about leadership succession. Your foresight and leaderships is exemplary, however, perhaps you can share with us why you did not plan and execute a smooth leadership transition (i.e. succession)?

I believe it would have greatly remove all the problems UMNO and Malaysia is facing now. A smooth succession process would have ensured to some extent that the new leader would have carried on with the policies and initiatives you had going. At the very least the new leader would have shared your vision of how the party and country will achieve it goals.

As it is the sudden hand over of leadership proved to be an unfortunate event. As you have mentioned promises were broken. Perhaps not maliciously but more because the new leader saw a different vision and a different approach to achieving the party's and the country's direction and goals.

In retrospect sir, would you have done it differently,i.e. succession planning?

Will you then want to come forward to maybe challenge the new leader at the ballot box (UMNO elections). From then perhaps correct the wrong and then do the proper succession?

Thank you sir.

By ABI on [July 8, 2008 1:03 PM](#)

Tun M:

While you were the PM, on the eve of every general election you went about the whole country, dishing out "goodies" to certain states (your preferred). Those actions of yours

are still fresh in our memories. You had given money to renovate schools, build mosques and temples, to repair roads, etc, etc, on the eve of elections! All those actions of yours smacked of corrupt practices. You wanted to get the votes - that was your main motive. Wsn't that corruption, my dear Tun? Why have you forgotten that (selective memory; Mahathiramnesia, perhaps?) and continue to attack Abdullah Badawi vehemently? Did you ever abide by the Financial Procedure Act of 1957 (and as amended subsequently) and the related financial provisions of the Federal Constitution?

What hyper hypocrisy is this- double standards? When are you going to scrutinise your own performance record (dismal!disastrous!), Tun ? or are you going to continue basking in past glory? (assumed!)

ABI

By pakbelalang  on [July 8, 2008 1:04 PM](#)

Dear Tun,

It simply and glaringly means that Pak Lah is so desperate to hold on to power. What is the point of holding to power when you don't have the mental capacity to think and create something innovative to move the country forward. By promising billions of ringgit means nothing at all when you really do not know how to go about in creating and generating additional wealth for the country. You just simply cannot throw away public funds by the billions without really having to know for what purpose the funds are going to be utilised. By making generalised statement that the funds are meant for development is a reflection of Pak Lah "cheating" the rakyat. He simply pluck the ridiculous figures from the sky just to make the rakyat feel "syok sendiri". The way I observe Pak Lah's attitude is rather very childish in his approach. He seems not to have the slightest idea what actually he is talking about. He is still dreaming!

It is rather irritating to listen to Pak Lah's statements and speeches nowadays. He is at a lost. His sense of direction has gone haywire and he is pretending as if politically things would soon be stabilised in his favour.

Does he aware that the rakyat are extremely fed up with his haprak and HP6 thinking? The raykat have given him the chance to manage the country and he must be conscious that he has failed miserably. He cannot proceed with his present position by dragging along the rakyat and the country together with him into the drain.

Enough is enough. I hope he will resign immediately. The rakyat do not want to be led by a CLOWN PRIME MINISTER. That is the perception of the status of Pak Lah's leadership quality and UMNO members must be fair to the general public by unanimously telling Pak Lah to go gracefully for the sake of our future well being. We cannot afford to remain complacent at this juncture when everybody is looking for quality leader to tackle the current economic difficulty that we are facing.

Pak Lah should stop playing politics to keep him above water. This is no more a game of politics. If you are incapable of running the country effectively then be gentleman enough

to say to the rakyat that you have failed to deliver, period. You must be able to outrightly say that it is timely for me to resign. I am so sorry I could not make the grade as a Prime Minister for the last 5 years.

Jangan aniayakan rakyat. Nanti bila mati rakyat bukan doakan rahmat untuk Pak Lah tapi akan dikencingkan selamanya. Rakyat sekarang sedang dalam keadaan terdesak untuk menjalani kehidupan harian dengan segala macam masalah. Tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk meredakan keadaan ini nampaknya telah gagal. Tidak ada yang benar-benar berkesan langsung. Yang teruk sekali ialah rakyat miskin "dalam bandar". Merekalah yang dalam keadaan sengsara dan daif sekali untuk menampung kehidupan keluarga mereka.

By a.liana on [July 8, 2008 1:04 PM](#)

Assalammualaikum w.b.t..

Smg Tuhan sentiasa memanjangkan usia Tun hendaknya..

Sbg wrga belia, sy sgt kagum dgn perjuangan Tun melalui sumber2 pmbacaan yg sy perolehi sbm ini..

Ternyata Tun mengingatkan sy bhw "langit tdk selalunya cerah" & sbg bgsa Melayu yg hidup di bumi Melayu & tnh air sendiri, kta seharusnya brpegang kpd pepatah "sediakan payung sbm hujan"..

Adakalanya sy sendiri keliru & kurang yakin utk menerima pnjelasan drpd plbg pihak d bhgn pntdbiran(kerajaan) apbl timbul sesuatu isu..

Knp semua ini harus brlaku?

Bnrilah sbgmn kata Tun, bagaimana wang kerajaan blh diberi sewenang2nya tnpa mengikut perancangan & perbincangan yg sepatutnya..

Jgn disbbkn hdk menutup mulut & meraih sokongan, WANG djadikan sbg lgkah penyelesaian..

Anyway, Tun, we all as ur supporters, always hope that u'll b fine & come back as our new leader...insyaallah...

By tanakwagu on [July 8, 2008 1:07 PM](#)

Tun Dr. Mahathir,

Saya sokong 100% bahawa pemberian 'gula-gula' tidak terancang adalah satu rasuah terang-terangan yang amat merbahaya. Tindakan PM sekarang terlalu ketara (desperate) hanya untuk mengambil hati rakyat-rakyat tertentu. Terutama sekali rakyat Sabah dan Sarawak yang telah menyumbang besar kepada kemenangan BN dalam PRU yang baru lalu. Negeri-negeri lain yang 'confirmed' susah nak dibodek dibiarkan saja macam Penang dan Kelantan.

Harap-harap orang-orang yang mendapat 'gula-gula' ini tidak sekadar tutup mata tanpa menggunakan rasional untuk membuat penilaian. Tapi nampak gayanya 'sesiapapun'

terlalu bebas menyuarakan ketidakpuasan hati tentang sesuatu perkara dan anehnya tak semena-mena menarik balik. Pening kepala lah..... apatah lagi kalau ia tindakan pemimpin-pemimpin yang sepatutnya mewakili suara rakyat. Senang-senang saja boleh tutup mulut.....tah tah selepas dapat 'gula-gula' kot...

By zariqmal on [July 8, 2008 1:08 PM](#)

Salam Tun,

Jangan hairan Tun kenapa wang ditabur kononya untuk membantu berbagai projek di sana.Jawapannya senang saja,wang ditabur untuk meraih kepercayaan orang.Itu dah jadi biasa bagi orang2 tertentu bila ada kuasa.

By wokyoh on [July 8, 2008 1:13 PM](#)

Salam perjuangan buat Tun yang dikasihi...

Duit umpama gula-gula????.....

Gula-gula...ramai orang suka...semut pun suka..
tapi ingat... semut boleh mati kerana gula.....

Gula-gula yang paling sedap dan mujarab ialah-gula-gula syurga yang ditawarkan oleh PAS untuk orang ramai...tak payah beli...pangkah saja PAS tentu dapat....ini gula-gula paling bahaya..kerana rasanya kekal...boleh sampai ke neraka...

Nik aziz kata...perjuangan kita bukan untuk bangsa..perjuangan kita untuk agama....tapi kita boleh saja berpakat dengan komunis dan yahudi demi mencapai matlamat kita...sebab matlamat menghalalkan cara...

Anwar kata....perjuangan kita untuk menuntut keadilan...kita mesti lebih liberal..setelah beliau mendapat gula-gula dari yahudi zionis...sebab itulah menteri kabinet bayangan anwar berapa kerat je orang melayu selain azizah dan izzah????sekarang ni dia sibuk mempromosikan gula-gula jenis baru yang lebih lazat dan disukai ramai...gula-gula LIRWATASTE....perasa oren campur strawbery...

TUN,Masakan gula-gula boleh menandingi kehebatan sirih pinang????.....

Gula-gula bermacam rasa,
tak percaya??? tanya siwa-rasa....he..he..he...
wokyoh minta diri dulu...

wokyohmektot@yahoo.com

By haizam88  on [July 8, 2008 1:13 PM](#)


Assalamualaikum Tun dan semua,
hari ini,masakini,malaysia mula di kuasai oleh politik2 kotor yg amat mendewakan kemewahan,pangkat dan kuasa.Kepimpinan PM hari ini semakin meruncing dek permasalahan yang tidak pernah selesai dan mungkin juga amat sukar di timbulkan ketika zaman Tun menjadi PM. Isu ketuanan melayu yang baru2 ini di cemari oleh Forum Mengenai Kontrak Sosial oleh Badan Peguam Malaysia,isu ketidakpuasan hati rakyat Sabah dan Sarawak,keadilan Justifikasi Mahkamah dan yang paling penting sekali...penyelenggaraan wang rakyat!
Sedih sebenarnya apabila duit cukai rakyat dan keuntungan Petronas digunakan oleh PM untuk kepentingan politik beliau dan sekutunya.
Sebagai pelajar,kami menderita dari segi kebajikan dan kebebasan untuk bersuara.Universiti saya umpamanya,presiden kami di tukar hanya seketika apabila beliau menyatakan pendiriannya mengenai status Umno beliau.Diganti pula dengan seseorang yang saya kira agak sibuk dengan urusan nya menjaga kepentingan dan kelinciran pekerja2 sektor kerajaan!bagaimana hendaknya pemikiran seorang PM yg sepatutnya memilih seseorang yang lebih terbuka statusnya dan bukan seseorang yang mengawal produktiviti pekerja sektor kerajaan?
Wang yang beliau gunakan itu sepatutnya dikembalikan kepada rakyat agar tidak menderita sebegini rupa..malahan melebihi krisis ekonomi dunia 1998!saya hanya mewakili rakan2 seperjuangan meberikan pendapat dari kami,golongan pelajar.sekian..wassalam

By ejong on [July 8, 2008 1:19 PM](#)

Dear Tun,

I have no comment on the above subject but one thing as a 38 year old Malaysian working abroad knows is that, how many of us overseas wish you are still our PM. I am the lucky one who had the occasion to talk to you while you stroll around KLCC and to me most of us are proud to be a Malaysian is due to one person and that is you Tun Dr. Mahathir Mohamad.

We Malaysian and a lot out there will stand by you!There could be 10 million out there that does not like you Tun but beleive me another 15 million does value what you have done for the country!

By CucukSanggul  on [July 8, 2008 1:21 PM](#)

Semakin hari semakin ugly kerajaan di mata rakyat. Save us!!

By HS on [July 8, 2008 1:22 PM](#)

Assalammua'alaikum Tun yang dihormati....
Saya merasa sedih melihat keadaan arena politik Malaysia sekarang...Dulu, begitu susah rakyat Malaysia nak meninggalkan negara dan bekerja di negara lain tetapi sekarang, lebih rela... Atau mungkin juga terpaksa.... Saya adalah bekas produk LEP (Look East


Policy) yang diasaskan oleh Tun dan Ungku Aziz. Memang inspirasi saya untuk berkhidmat di bumi Malaysia...Sayangnya, keadaan semakin teruk....
Sampai sekarang, hanya Tun PM yang terbaik...Saya sedih kerana mungkin generasi-generasi yang akan datang tidak dapat menikmati kemajuan dan pembangunan seperti apa yang saya telah lalui....
"Perjuangan kita belum berakhir".....

By fakriazmi on [July 8, 2008 1:27 PM](#)

Salam Tun,

Cukup bahaya apabila kepentingan peribadi melebihi kepentingan umum. Itulah yang telah berlaku tatkala ini....

Moga Tun sekeluarga berada dalam keadaan sihat dan dipelihara Allah sentiasa.

By Anak_Parit  on [July 8, 2008 1:32 PM](#)

Salam Tun,

Kalau dulu, orang dewasa bagi gula-gula pada kanak-kanak untuk mengembirakan hati kekanak tersebut tapi sekarang Pak Lah bagi janji yang nilai nya berbillion...saya rasa Pak Lah ni tak tau kira antara trillion, billion dan million..cakap main sedap mulut jer. Ntah dari mana nak ambik duit banyak tu kita tak pernah di beritahu..main tenyeh jer angka dan sebut bagi orang Sarawak dan Sabah syok...
Pak Lah ni matematik dia fail kot...

Anak_Parit

By Grungeboy  on [July 8, 2008 1:38 PM](#)

KEPADA PARA PEMBACA DI SEMENANJUNG

JANGAN RASA HASRAT DENGKI JIKA SABAH DAN SARAWAK DI BERI PERUNTUKAN SEDEMIKIAN RUPA. KALAU TAK SABAH DAN SARAWAK TAK MUNGKIN KL DAN SEBAHAGIAN NEGERI DI SEMENANJUNG TU MEMBANGUN DENGAN MERGAH KALAU DEK HASIL BUMI DARI SABAH AND SARAWAK. PERKARA INI TAK BOLEH DIPERSOALAN KORANG. DUA-DUA NEGERI INI MEMPUNYAI SUMBER BUMI YANG KAYA. KALAU HENDAK DILIHAT BOLEH DI KIRA DENGAN JARI WILAYAH SEMENANJUNG YANG PUNYA SUMBER ASLI YANG BANYAK SEPerti MINYAK.

TAPI JANGAN DI SANGKAL TAK SEMUA HASIL PERUNTUKAN ITU RAKYAT SABAH AND SARAWAK DAPAT SEMUANYA. SUDAH TENTU SEBELUM SAMPAI DUIT TU KE TANGAN RAKYAT YANG KE ATAS DULU KENYANG MAKAN SAPA LAGI KALAU TAK BUKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG TAK GUNA GENG BN. PERSOALAN KINI KENAPA PAK LAH BODOH BANGGANG

TU BAGI. INI SATU HELAH POLITIK BN UNTUK MEMENANGI HATI RAKYAT SABAH DAN SARAWAK SUPAYA TAK BERALIH KEPADA MENYOKONG PAKATAN RAKYAT.TAPI TAK MUSTAHIL MENYOKONG PR INI AKAN TERJADI DI SABAH DAN SARAWAK KERANA BN SEMENANJUNG BERGANTUNG BN DARI SABAH DAN SARAWAK UNTUK MENANG MAJORITI.

SAYA CAKAP BEGINI BUKAN NAK SOKONG PR. CONTOH TENGOK SAJA KAT SARAWAK KAWASAN PENDALAMAN APA JADI PEMBANGUNAN.JADI TAK USAHLAH KECOH HAL PEMBAGIAN PERUNTUKAN KEPADA SABAH DAN SARAWAK.

By annat on [July 8, 2008 1:40 PM](#)

Sudah tak 'Proud To Be Malaysian'. Malu adalah. Tak tau nak sokong siapa sekarang. Semua sesuai jadi pemimpin dalam zoo. Tak kira dari kerajaan maupun pembangkang semua sama. Semua penting diri sendiri.Menegakkan keadilan hanya untuk diri sendiri. This is a message from me to you Tun: Tun you are the best PM Malaysia ever had no one can ever replace you. I'm really proud to be Malaysian for the past 22 years(when you're our PM) but nowsigh..... We miss you, Tun. Just wanna Tun to know we Malaysian who truly love Malaysia stand by you because we know whatever you do you do it for the country not for yourself. Take care. TQ

By thaiso on [July 8, 2008 1:43 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Tanpa kekuatan perancangan kewangan dan ekonomi, UMNO akan musnah dan juga negara.Anda semua yang berada di barisan hadapan akan menanggung dosa segalanya.Negara akan musnah.

By sarip on [July 8, 2008 1:43 PM](#)

salam Tun,

Ni la payahnya bila ada golongan yang buat duit kerajaan macam duit datuk nenek mereka sendiri. Perbelanjaan tanpa kawalan pada benda2 yang tak penting dan tak ikut perancangan. Somebody kena lodge report to BPR untuk siasatan???? Nak rakyat buat macamana lagi untuk celikkan mata-mata orang2 yang tertutup rapat ni??

By snowbite8281 on [July 8, 2008 1:44 PM](#)

I LOVE the way Pak Lah for once SOLILOQUY INTELLIGENTLY, his personal thoughts on the power of Internet and SMS. In Sun Daily dd July,2008 quote “ Conduct attributed to the truth is not appreciated. What is appreciated is perception and along with

it the lies. Perception negates the truth. The truth is no longer talked about. The important thing is the perception' Unquote.

"Veiled Threat" is TOTALLY and beyond reasonable doubt, A PERCEPTION dear Pak Lah! Pak Lah do educate SIL, cronies, HP6 Fed members this brilliant thought of yours.... Allow your brilliance to guide the HP6 team through the dark Fed-tunnel. It would be so wasteful if PakLah decide to have only selective constructive intelligence!

We need your 'constructive intelligence to light up our ways through the dark tunnel' PakLah... .. if its not too tough a job for you!

By EL NINO on [July 8, 2008 1:44 PM](#)

Salam Tun..

Pak Lah ni dulu cerita besar nak hapuskan rasuah..Die ni belajar setakat level mana..Die ingat benda rasuah ni die bole hapuskan dalam masa 5 tahun die takeover...Haaa..Sekarang dah jadi BAPAK RASUAH PLAK...Nak rasuah Sabah / Sarawak konon..No offence Tun tapi meluat tengok gambar die tergantung kat kedai kedai kopi..rasa cam nak ludah..Orang melangkah ke depan..Ni asyik main " reverse " gear je..Dah die scrap semua projek Tun..Habih..Apa pembangunan die buat??..I can't even recall one thing that he has developed that we Malaysian's can be proud off..Honestly Tun..Kalao i jumpa Pak Lah tepi jalan sorryla nak salam...RASA NAK LUDAH ADA LAH!

By Tun Jebat on [July 8, 2008 1:46 PM](#)

YaBhg Tun,

Pak Lah Semalam ada menyebut " Kebenaran akan terserlah,apabila kebenaran muncul, semua fitnah tersebut akan berhenti." Beliau maksudkan segala macam fitnah yang kononnya dibuat oleh para Bloggers.

Kebetulan pula hari ini Tun sebut pasal 'gula-gula' yang jika diberi kerana nawaitu tertentu boleh menjadi rasuah. Nampaknya kata-kata Pak Lah di atas betul-betul kena pada dirinya. Kebenaran apa yang Dia cara jika cara mengurus negara pun dah seperti mengurus syarikat sendiri.

YaBhg Tun,

Saya rasa dia tidak berani untuk menyiasat Blog Tun sebab tentu saja akan terkena diri sendiri.

Sepatutnya yang patut disiasat ialah Blog,Ceramah dan Sidang Akhbar Anwar kerana terluang di dalamnya penuh dengan Fitnah dan Hasutan.Cuma beranikah Pak Lah...sedang sekarangpun dia tak cukup tidur memikirkan masalah negara hasil buatan sendiri.

Seperkara lagi...Protes Pak Lah tentang Bloggers kemungkinan besar ada pengaruh KJ. Sebab KJ sendiri pun kena hentam habis-habisan oleh Bloggers malah ada Blog yang terang-terangan ANTI KHAIRI.Lihat : www.antikhairy.wordpress.com.

Sang Khairy ini pula, entah mengapa tidak senang sangat dengan DS Najib. Teori dia nak jadi PM termuda mungkin ada kebenarannya. Jangan sangka dia tidak bertanding Post Ketua Pemuda Disember ini. Sekarangpun atas kapasitinya sebagai NKP. Dia dah kempen hari-hari, Jumpa Ketua-ketua Pemuda Bahagian, Bagi 'Gula-gula'.

Kadang-kadang kita kena jadi macam orang PAS...Bagi apa pun semua ambil...tapi bagi undi Sorry. Dengar kata ada Pemuda Bahagian dah bai'ah dengan Si KJ. Ingatlah Bai'ah walau depan Quran sekalipun tidak salah kita engkar jika Orang yang nak kita pilih perbuatannya 'Menyanggah Al Quran'. Wang yang kita terima dari sumber haram seperti rasuah politik..haram hukumnya untuk bagi anak bini makan.

PS: Penyokong Anwar sangat Fobia dengan Buntut...Penyanyi Rock yang di bawa oleh orang kuat PKR sendiri kena hentam teruk...gara-gara buka seluar tunjuk buntut. Jika kebenaran seperti yang Pak Lah sebut menjadi kenyataan...Harap-harap tidak ada orang yang Fobia lagi dengan Buntut.

By ninaalmustafa on [July 8, 2008 1:49 PM](#)

Salam Tun,

Moga Allah tunjukkan hidayah & taufik buat semua pemimpin2 yg memimpin negara waktu ini...amin.

Saya dgn ikhlas hati...berharap Pak Lah/Najib bawak2lah istighfar byk2...

Klu saya jadi Pak Lah atau Najib... saya akan minta Tun Mahathir menjadi mentor, idola, guru dan sahabat sejati...

May Allah bless All...

By EL NINO on [July 8, 2008 1:49 PM](#)

Salam Tun..

You are the best ever Tun...I admire your way of thinking . You have not demanded but gained your respect not only from us Malaysian's but worldwide as well. May God bless you and i really hope if you can make a comeback coz we have an SELFISH CORRUPTED IDIOT who is running the country now..

Take care Tun and God Bless!

By muarif on [July 8, 2008 1:50 PM](#)

ASSALAMMUALAIKUM TUN,

SAYA RASA INILAH YANG DIKATAKAN RASUAH HADHARI.

By IslamMelayu on [July 8, 2008 1:50 PM](#)

A'kum komentator...

Sekarang kita lihat di sana sini kelemahan, sikap dan kemampuan pemimpin kita. Paling menyedihkan sekarang ni....kemungkaran dan fitnah semakin menjadi2. Ekonomi merudum kerana ketidakmampuan pemimpin yang ada. Memburukkan keadaan....pemimpin yang kita pilih melalui kuasa undi kita, tidak mampu untuk menguruskan negara dengan baik dan seringkali mengeluarkan kata-kata dan keputusan yang tidak dijangka2 dan tidak mengamalkan kepemimpinan yang baik.

Oleh itu...apa kata dengan kuasa kita yang memilih mereka (melalui undi pilihan raya, melalui pemilihan ketua bahagian, ketua cawangan dsb)membuat rombakan dan perubahan dari bawah....

Orang Melayu kini sudah ramai yang terpelajar dan mempunyai kemampuan dari segi kepimpinan dan pentadbiran....Jadi apa salahnya kita tukar sahaja mereka yang tak layak ni....Tak lama lagi kita ada mesyuarat, diperingkat cawangan, bahagian dan negeri dan mesyuarat agong. Jadi ketepikan duit.....duit.....duit... (pergi mampus orang berpolitik dengan guna wang)Beranian diri menolak mereka ini. Yang perlu dibawa dalam mesyuarat tu nanti satu bentuk reformasi politik dan kepimpinan yang baik dan telus kerana Agama Islam, Bangsa Melayu dan Tanah Air kita...TANAH MELAYU.

Tidak lupa juga mereka yang memang dah tak mampu dan memang tidak ada apa2 sumbangan sebelum ni...patut juga dibuang....Adakah kita patut takut dengan kehilangan sokongan terhadap parti jika kita buang pemimpin macam itu dari kehilangan bangsa MELAYU DI TANAH MELAYU ini sendiri....Pikir lah...

Kepada pemimpin yang dah tak mampu dan tak der apa sumbangan relakan lah mengundur diri....Pada penyokong pemimpin macam ni plk....adakah anda ingin mengadai masa depan anak bangsa kita sendiri dengan membelot.....Pikir pikirkan.....

Kita buat macam masa zaman Tun dulu....ada masalah kita terus buang dan jangan pikir lagi masalah dia orang tu.... sebab merugikan masa kita orang melayu....kita lihat sekarang....Bangsa Melayu kini bercakaran sesama sendiri dek kepentingan individu tertentu. Sedangkan bangsa lain mengaut keuntungannya....tambah lagi kini ada kuasa asing pulak yang dah mula nak masuk campur.

So saya rasa baiklah kita semua cuba mengubah dan membetulkan kekalutan yang ada kini dari bawah....Marilah kita ORANG BAWAHAN bersatu semula, berganding bahu, bersatu dan mengubah nasib bangsa kita pemilik TANAH MELAYU.

Kita mampu mengubahnya.

Saya pun dah benci dengan ramai pemimpin yang ada dalam beberapa parti melayu ni....CAKAP JER TAHU....PIKIR RAKYAT MASIH BODOH MACAM ZAMAN 50-80 AN DULU.....PIKIR PERIUK NASI SENDIRI.....

Harap Ayahanda dapat memulakan kempen ini....kita masih ada masa sebelum ketibaan PRU13...

By mat 'melayu' on [July 8, 2008 1:52 PM](#)

dulu sebelum pru12 hari2 keluar tv pasal negeri kelantan miskin... ckp kelantan mundur... skrg ni baru sedar sabah negeri termiskin pulak... itulah cakap anak org mencuri... anak sendiri merompak

By [Rumah Kebun](#) on [July 8, 2008 1:54 PM](#)

Inilah keadaan apabila duit mengatasi dan mempengaruhi suasana.

Awal penggal kepimpinan cuba menonjolkan imej Islam yang akhirnya tenggelam dengan imej-imej buruk yang tidak sepatutnya dilakukan seorang pemimpin. Imej tertidur di majlis negara juga buruk dilihat sebagai Ketua Eksekutif Negara. Ini semua sudah terbukti dan semua orang nampak, bukan kempen atau fitnah untuk burukan beliau. Ucapan beliau dalam majlis negara juga tidak cukup mantap untuk mewakili Malaysia dalam era globalisasi ini. Memimpin negara tidak semudah mengurus syarikat keluarga, ini adalah kenyataannya. Pemerintahan dahulu rakyat tenang dan aman, sekarang rakyat digoncang dengan seribu masalah yang patut diselesaikan oleh seorang Perdana Menteri dan kabinetnya yang sepatutnya dilantik oleh rakyat. Tun Mahathir lembut hati memilih Pak Lah sebagai peneraju utama negara yang dilihat sebagai orang yang bersih dan akhirnya menjadikan suasana paling buruk dalam sejarah Malaysia.

Apa tindakan yang patut dilakukan sekarang?

Demi mengakhiri sisa pemerintahan beliau, Pak Lah wajib kembali kepada perkara asas atau rukun menjadi seorang pemimpin. Asingkan penglibatan keluarga dalam pemerintahan/pengurusan negara, pastikan jangan ada lagi cakap-cakap yang keluarganya terlibat dalam membuat satu-satu keputusan. Budak tingkat 4 patut dipindahkan. Biar mereka dengan alam budak-budak mereka. Biar pengalaman membentuk mereka secara natural. Mereka belum patut di beri peranan.

Kembalilah berbincang dengan senior-senior politik negara yang banyak pengalaman, jangan biarkan budak mentah di belakang tabir berperanan. Mentah dan muda ini terlalu

rakus mengambil tempat dalam politik negara dan tiada JIWA pemimpin MELAYU sebenar.

Kembali LAH....

By Sheikh on [July 8, 2008 1:56 PM](#)

Tun,

Memang benar. Peraturan dan tatacara adalah tulang belakang keutuhan pemerintahan. Kita telah lama meninggalkan Zaman Batu. Inilah yang di namakan tamadun atau Hadhari.

Islam itu sendiri adalah tamadun ianya adalah cara hidup!. Ianya adalah acuan tamadun masakini. Tamadun Islam wujud kerana suasana politik dan ekonomi yang membenarkan ianya subur pada masa itu.

Mereka adalah orang yang berfikiran bebas tanpa sempadan sedang Islam mengalir didalam darah mereka. Islam adalah cara hidup mereka. Mereka menterjemah buku buku ilmiah dari bahasa 'kafir' Greek untuk memperkenalkan Aristotle ke pentas dunia. Sekiranya Aristotle tidak di jubahkan dengan jubah Arab, Barat tidak akan mengenalinya. Mereka juga menterjemahkan buku buku dari India. Mereka bukan islam yang beku.

Mereka berani mempersoalkan apa saja sekali pun ugama dan berbincang serta berbahas menyebabkan fikiran mereka berkembang. Fakta fakta Al Quran itu menjadi pokok perbahasan yang menyuburkan minda. Quran penjana pemikiran tamadun islam sekian lama sebagaimana komputer mengambil alih peranannya pada masa kini.

Adakah Islam itu tidak bertamadun? Siapa kah kita persendakan? Rasul atau Allah sehingga kita memanggil perlu melabelkan Islam Hadhari.

"Mulai hari ini ku sempurnakan ugama mu". Tidak sempurna kah lagi islam? untuk kita melabel sesuka hati. Adakah kita ada perasaan rendah diri.

Berhentilah dari mengatakan Islam mundur. Siapa kah yang menanam pemikiran itu di dalam otak benak kita? Pernah pengikut ugama lain yang merasa diri mereka mundur dan meyesal kemunduran mereka?

Islam adalah ugama dan ianya tetap maju. Kebekuan dan menjadi pak turut menjadikan kita mundur. Jangan sekali kali mempersoalkan ugama penyebabnya. Penghayatan yang silap dan beku puncanya.

Kita sudah muak mendengar ulama meyesal dan melabelkan Islam itu mundur. Jika benar mengapa pada suatu masa dahulu ianya menguasai dunia dan teknologinya.

Menyorot dari situ kita mewarisi satu keagungan yang tinggi yang tidak kita halusi.

Jadi apabila peraturan-peraturan yang mudah yang di rangka dan di halusi yang juga kita panggil undang-undang di langgar maka kita adalah tidak bertamadun.

Sekiranya peraturan itu tidak lagi di guna pakai maka akan berlaku banyak persoalan yang sangat sukar di tepis. Kerajaan membuka ruang kelemahan untuk di serang.

Tujuan peraturan di gubal bukan saja untuk melicinkan pentadbiran malah melindungi rakyat serta pegawai yang di beri kuasa supaya tidak timbul keraguan dalam pegawai itu menjalankan tugas.

Samada pegawai berfikiran tenteram atau kusut masai, selagi dia berpegang kepada peraturan yang di gubal sudah tentu dia terlindung dari salah guna kuasa atau rayuan pecah amanah.

Sekiranya kerajaan berbelanja sesuka hati tanpa mengikut peraturan maka ianya akan menganggu keseimbangan yang kelak membawa kepada ke-tidak-setabilan.

Kuasa mutlak sebegitu hanya ada pada Raja-Raja sahaja. Baru saja AAB berucap mengenai rukun negara. Siapa yang menyelar raja-raja? Siapa pula yang telah jadi Raja?

AAB seolah-olah menganggap bloggers tidak lain menyatakan perkara-perkara bohong. Kalau begitu apakah pula kebenaran? Sedang kebenaran yang di nyatakan terselindung dari mata kami semua. Kami sudah tidak tau apa yang berlaku.

Belajar dari sini. Internet telah memainkan peranannya dalam kejatuhan BN di pilihanraya lepas. Cari jalan supaya ianya menjadi wadah untuk kerajaan kepada rakyat. Buka semua internet kementerian untuk kami rakyat menulis sebegini.

Ini adalah rintihan rakyat secara terus tanpa di tapis oleh Ketua Bahagian atau Ketua Cawangan UMNO. Jangan bermimpi lagi.

Kami ada keluarga untuk di beri makan. Kami ada hak bersuara.

Dalam apa keadaan pun. KEPENTINGAN NEGARA MESTI DI DAHULUI MELEBIHI DARI KEPENTINGAN PARTI

Hanya Yang DiPertuan Agung dan Raja-Raja tidak boleh di persoalkan tetapi kerajaan yang di pilih mesti menghadapai kritikan. Tutup mulut bukan jalan yang baik. Itu lah yang berlaku pada pilihanraya yang lepas.

By [waksapu](#)  on [July 8, 2008 2:00 PM](#)

Salam Tun, Harap Tun sihat walafiat.

Tun, Anwar dah buat wayang lagi. Saya pun dok seronok tengok Anwar sedang berlakon. Cuba tengok anwar berlakon kat sini <http://waksapu.blogspot.com/>

By RAR on [July 8, 2008 2:01 PM](#)

ASSALAMUALIKUM WAT TUN N KELUARGA,

TUN SPERETI YG SEMUA ORG MAKLUM NEGARA NI DAH JD CARCA MARBA KERNA SIKAP PM YG ADA. DIA X ADE VISION, CUMA MALU NAK TURUN TAKHTA KERNA TAKOT NNT SEJARAH AKAN BERKATA KATA YG PAK LAH DIPAKSA TURN JD PM. DIA DAH X BLH WAT APA2 DAH. DAH PARAH. CUMA TUNGGU MASA. KJ PLAK DAH MULA BERSUARA LPAS SENGAP SEJAK BN KALAH TERUK. DOK START LOBI DAH NAK JD KETUA PEMUDA. DIA PN SAMA LAH, AKAN START BG GULA2 KAT KETUA2 PEMUDA (CAWANGAN & BAHAGIAN) SO DIA AKAN MENANG LA. SKNG KETUA MANA X MAW DUIT TUN, BARANG MAHAL, KJ KAN CHOP DUIT, DIA SPEND BNYK MANA PN X RUGI, DIA DAPAT BLIK. SO KETUA2 SEMUA KAYA, AHLI N PARTI DOK MEREMPET. PAS TU PAK LAH NAK TURUN PN X PE DAH. NI DENGAR NAK TOOK OVER PETRONAS PLAK. ENTAH B.TOL OR TIDAK. ANWAR PLAK GILA TALAK, KALAU BLH NAK MASUK UMNO BALIK. BARU CITA2 NAK JD PM SENANG. KALAU X DIA KENA LA WAT SESAUTU PADA UMNO. DIA KACAU PN UMNO JE COZ DIA BIASA ADE PANGKAT DLM UMNO. DIA TAW KELEMAHAN UMNO SKNG NI DGN PAK LAH JD PRESIDEN. TUN, TLG LA KOMEN SIKIT PASAL PILIHANRAYA NAK MAI BLN 12 NI. PILIHANRAYA UMNO. UMNO DAH PARAH BKN KERNA AHLI2 TP KERNA PEMIMPIM YG ADE SKANG NI. DEPA SEMUA JD YES MAN. TP MASA ZAMAN TUN DEPA KATA DIKTATOR LA N MCM2. TP X JD SEMUA NI. BILA DAH TERBUKA DEPA PN LG SENANG JD PENYANGAK.

TUN, JGN TAKOT. KALAU DEPA NAK ADILI TUN KAT MAHKAMAH SURUH DEPA WAT KERJA DEPA. KALAU DEPA NAK TENGOK 13MEI GENERASI BARU SURUH DEPA WAT SESAUTU PD TUN. KAMI AKAN TUNJUK PADA KERAJAAN MCM MANA SOKONGAN KAMI PADA TUN N NAK BG GAK ANWAR TAW KAMI X PERLU DUIT UNTK BERKEMPEN. KAMI NAK NEGARA KAMI AMAN, DAMAI N BKN JD NEGARA YG DI JAJAHI OLEH SAPA2.

KAMI RAKYAT YG MENANGGUNG RISIKO DGN EKONOMI SKNG.

WASSALAM

By MamatOversea on [July 8, 2008 2:01 PM](#)

Assalamuailaikum Ayahnda TDM.

Sebenarnya janji berbillion-billion ringgit kepada Sabah dan Sarawak hanya omong-omong kosong sahaja untuk rakyat Sabah dan Sarawak syok sendiri. Mungkin rakyat Sabah dan Sarawak boleh dengar sahaja tanpa harapan kerana sudah jelek dengan janji-janji sebegini.

Syair.....

"mana dia Al-Ghazali" dan "mana dia Al-Shafie"

"bongkar rahsia kitab suci, cari pedoman dan bongkar rahsia sunnah Nabi, cari panduan"?

.

OK Ayahnda Keep on writting.....

By elephantidae on [July 8, 2008 2:01 PM](#)

Good day Tun,

what you have said was what many of us wanted to said.

In order to gain back his popularity at east Malaysia, Bodowi(my spelling correct?) has thrown billions of ringgit there..

dear all sabahan & sarawakian, sweet huh? the gula-gula.. don't be shy, pls eat the gula-gula but becareful of the conspiracy behind Bodowi's mind.

I was wonder how Bodowi family's government could thrown billions to east malaysia and turn back to his mother state to delay 2 mega projects. how dare he... sigh..

"it was not revange to the opposition state" said Bodowi. In his mind:"it was a betrayal to my home state". his mind is full of shits now..

Tun, sorry for my hard words.. but the angers are there, i can't help it.. pardon me..

By Omry on [July 8, 2008 2:03 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Saya setuju benar dengan pendapat Tun.

Apa lagi yang kita tunggu Tun, berdebat saja pun tak akan berhasil, kini penyokong Tun da semakin ramai,.....

Kerajaan pimpinan Pak La telah membelanjakkan wang rakyat untuk membayar ex-garatia kepada hakim-hakim yang telah dipecat tanpa didedahkan jumlahnya kepada umum....

Terbaru, mahu menghadiakan 1 juta ringgit kepada pemenang pingat emas olympik sedangkan rakyat sekarang sedang merana oleh kenaikan harga minyak dan barang-barang,..... jabatan-jabatan kerajaan diarah berjimat.....apa ni?

Seperti yang di utarakan oleh YB Gapur Salleh dari merotai-Tawau, di parlimen bahawa peruntukkan tambahan 30 bilion tidak dinyatakan dengan tepat dan terperinci apa tujuannya.....tidak termasuk dalam RMK9 atau bajet.....

Kenapa BPR tidak menyiasat perkara ini sedangkan mereka da tahu, da dengar?, kalau mereka belum tahu, apa yang mereka buat?

Kenapa pihak polis tidak menyiasat?

Kenapa Ketua Audit Negara tidak menyasat perkara ini?

Kalau mereka menunggu laporan sahaja tanpa ingin mengetahui sesuatu itu sedang berlaku,..... apakah fungsi mereka?.....

Rakyat tidak mampu melapor kerana kurang memahami selok-belok undang-undang.....

Tolonglah Tun, Kami akan beri sokongan.....Kami sayang Tun.

By [Dang Wangi](#) on [July 8, 2008 2:05 PM](#)

Assalamualaikum....

Ayahanda Tun dan shabat2 bloggers semua...

Sy dilahirkn di bwh kepimpinan Tun... Sama-sama mengharung zaman kegawatan... Sama-sama menangis bila Tun amik keputusan utk retired... Separuh dr sy gembira Tun dah retired... sbbnya dptla Tun berehat dr pening2 memikirkn soal kami... Separuh lg dr sy sedih... sbb sy takut pengganti Tun nnt x dpt teruskn apa yg Tun dh buat...

Rupa2nya separuh dr sy telah salah...krn walaupun Tun dah retired... Tun x dpt juga berehat... masih perlu pk ttg kami...dan separuh dr sy ternyata betul sebabnya pengganti Tun x dpt jlnkn kewajipannya sbg pemimpin...

Sy dah muak bc paper n tgk news d tv...sumanya pembohong blaka...

Sy btul2 bingung...x tau yg mana kaca yg mana permata...x tau yg mana pemimpin musang berbulu ayam...

Sy ada lalu di psr mlm...ramai pembangkang melaung2 kan UMNO dah jd lagenda...sy rasa sgt sedih...sbbnya apa yg melayu kita ada hanyalah POLITIK semata...EKONOMI telah ditakluk oleh bgsa lain...knapa satu2 nya yg kita ada pun mesti tergadai...

Bila sumani akan berakhir????

By [Zubli Zainordin](#) on [July 8, 2008 2:06 PM](#)

Tun Dr Mahathir Mohamad, apa yang dilakukan oleh Abdullah Ahmad Badawi adalah salah mengikut peraturan kerajaan. Tetapi siapalah yang berani menyoal perbuatannya menabur duit sana sini macam orang beri kanak-kanak cekelat.

Namun ini bukanlah cara penyelesaian masalahnya sendiri.

Apakah demikian juga dengan wang peninggalan dalam tabung UMNO?

Jika niat dan tujuan untuk dapat undi dan popular, rasuah lah itu.

By sktan on [July 8, 2008 2:07 PM](#)

YTM Tun, A Very Very Good Day To You And Family.

Saya memang dah Muak dan Jelak terhadap perbuatan,ucapan (mahu pun nasihat) serta pandangan (jika ada),si Doll-Lah itu.

Haa! Tengok dia itu, asyik tegur aja, dan tidak ada kena megena pun. Dah teguh kita tak patuh 'Runkunegara' pula,tambahan si dia itu, terhadap DYMM TUANKU AGONG DAN SULTAN SULTAN yang di sayangi rakyat. 'nak setanding kut, si dia itu dengan Raja Raja yang di sanjungi kita'. Quote: Bloggers disregard for the principles of Rukunegara such as Loyalty to King and Country (if Malaysia is consider one now),upholding the Constitution (if there is any now),the rule of Law(in choas now), and behaviour and morality(to me it's all gone today).

Salam Tun.

"" D A U L A T T U A N K U "".

By Roslee on [July 8, 2008 2:20 PM](#)

Askm YABhg. Tun.

Saya nampak pendekatan Perdana Menteri untuk membawa perubahan di negeri Sabah tidak menjamin sebarang kemajuan kepada negeri itu. PM hanya salur wang tapi tak ada guideline bagaimana pembangunan itu dilaksanakan. Kalau dia harapkan pegawai-pegawai di Sabah uruskan duit itu, nampak gaya tak ada satu program pembangunan pun akan berjaya dibuat. Cara beliau memang kurang jelas. Kalau beginilah juga kepimpinan BN, saya yakin, sampai bila-bila pun Sabah akan tetap seperti sekarang ini. BN agak bernasib baik, kerana Sabah jadi back up, kalau tidak entah apalah yg akan jadi. Mungkin dia dah tak perasan, Sabah ni ramai musuh dalam selimut. Suka tikam belakang macam penasihat Keadilan yang juga suka 'tikam belakang'.

Kalau rakyat bagi nasihat kat PM pun macam mana nak pantau duit tu, nesti dia buat tak dengar sahaja. Lepas duit tu dah habis entah ke mana, pembangunan pula langsung tak ada, kemudian rakyat Sabah dah meluat, semua nak lompat parti. Rakyat undi Pakatan Rakyat. Apa akan jadi pula dengan BN. Tak apalah. Dia nampaknya ketegaq skit. Tunggulah Disember ini.

Sebelum lupa, saya nak cadang pada YABhg. Tun agar Tun dapat gunakan blog yang hebat ini untuk sesekali hentam pakatan rakyat. Saya tahu Tun sayang UMNO dan BN. So, apa kata, kalau ada masa, Tun komen pula perangai Pakatan Rakyat yang baru je jadi bos kat empat negeri tu. Saya dah lama tak tengok Tun hentam parti pembangkang ni. Dulu ada PAS sahaja, sekarang ni, dah jadi pakatan. Adakah mereka ni dah kuat? Dulu, saya tengok bila saja Tun usik parti pembangkang, semua dah tak senang duduk. So, why not cuba sekali lagi. Terima kasih Tun.

Lee.

By sayang9799 on [July 8, 2008 2:25 PM](#)

Tun,

What more can we expect from a leader who is spineless and thinks that by leading prayers and being nice, he will win more hearts than you.

As a fellow Malaysian, who has long admired and held you in awe for your strong stand and compassionate nature, I must say what is missing from the government is commitment, strength and DISCIPLINE.

The problem of the Malays has always been discipline.

Pak Lah's attitude of giving in is like sparing the rod and spoiling the child.

Looking at it from the context of a family, I might end up with ill-bred children who can say what they like to me and about me and even worse, they are open to all negative influences outside the home.

Likewise, the current Cabinet can make decisions and announce them without consulting him first, exactly what a child who has not been properly brought up would do to his parents' money and property.

The Malays may not like your sharp and often difficult to swallow comments but if they are true, then they should analyse the situation and try to rectify before the rot has set in.

We have been floating in the open sea since the day you step down, Tun.

But nevetheless, the support for you has in fact increased, not diminished.

When people are indisciplined, then disciplined people like you and some of us are dictators and notorius.

Regards, Tun

By sayang9799 on [July 8, 2008 2:25 PM](#)

Tun,

What more can we expect from a leader who is spineless and thinks that by leading prayers and being nice, he will win more hearts than you.

As a fellow Malaysian, who has long admired and held you in awe for your strong stand and compassionate nature, I must say what is missing from the government is commitment, strength and DISCIPLINE.

The problem of the Malays has always been discipline.

Pak Lah's attitude of giving in is like sparing the rod and spoiling the child.

Looking at it from the context of a family, I might end up with ill-bred children who can say what they like to me and about me and even worse, they are open to all negative influences outside the home.

Likewise, the current Cabinet can make decisions and announce them without consulting him first, exactly what a child who has not been properly brought up would do to his parents' money and property.

The Malays may not like your sharp and often difficult to swallow comments but if they


are true, then they should analyse the situation and try to rectify before the rot has set in. We have been floating in the open sea since the day you step down, Tun. But nevertheless, the support for you has in fact increased, not diminished. When people are indisciplined, then disciplined people like you and some of us are dictators and notorius.

Regards, Tun

By petunjuk on [July 8, 2008 2:26 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Rasuah dan pecah amanah samada kecil atau besar adalah salah disisi undang-undang dan agama Islam. Namun jika jenayah seperti ini adalah halal bagi golongan tertentu dan salah pula kepada yang lain ini petanda berlaku kepincangan dalam masyarakat. Rakyat tidak boleh terima tanggapan yang serong seperti ini dan mohon ia diperbetulkan. Kekayaan bumi Malaysia adalah tanggungjawab para pemimpin dan perlu diurus dengan amanah agar rakyat tidak terasa mereka dikhianati. Semoga kita sama-sama beringat dengan sifat amanah yang disarankan oleh agama berdasarkan Firman Allah Surah Al-Anfal, ayat ke 27 yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)".

By pakbelalang  on [July 8, 2008 2:27 PM](#)

Dear Tun,

It simply and glaringly means that Pak Lah is so desperate to hold on to power. What is the point of holding to power when you don't have the mental capacity to think and create something innovative to move the country forward. By promising billions of ringgit means nothing at all when you really do not know how to go about in creating and generating additional wealth for the country. You just simply cannot throw away public funds by the billions without really having to know for what purpose the funds are going to be utilised. By making generalised statement that the funds are meant for development is a reflection of Pak Lah "cheating" the rakyat. He simply pluck the ridiculous figures from the sky just to make the rakyat feel "syok sendiri". The way I observe Pak Lah's attitude is rather very childish in his approach. He seems not to have the slightest idea what actually he is talking about. He is still dreaming!

It is rather irritating to listen to Pak Lah's statements and speeches nowadays. He is at a lost. His sense of direction has gone haywire and he is pretending as if politically things would soon be stabilised in his favour.

Does he aware that the rakyat are extremely fed up with his haprak and HP6 thinking? The raykat have given him the chance to manage the country and he must be conscious

that he has failed miserably. He cannot proceed with his present position by dragging along the rakyat and the country together with him into the drain.

Enough is enough. I hope he will resign immediately. The rakyat do not want to be led by a CLOWN PRIME MINISTER. That is the perception of the status of Pak Lah's leadership quality and UMNO members must be fair to the general public by unanimously telling Pak Lah to go gracefully for the sake of our future well being. We cannot afford to remain complacent at this juncture when everybody is looking for quality leader to tackle the current economic difficulty that we are facing.

Pak Lah should stop playing politics to keep him above water. This is no more a game of politics. If you are incapable of running the country effectively then be gentleman enough to say to the rakyat that you have failed to deliver, period. You must be able to outrightly say that it is timely for me to resign. I am so sorry I could not make the grade as a Prime Minister for the last 5 years.

Jangan aniayatkan rakyat. Rakyat sekarang sedang dalam keadaan terdesak untuk menjalani kehidupan harian dengan segala macam masalah. Tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk meredakan keadaan ini nampaknya telah gagal. Tidak ada yang benar-benar berkesan langsung. Yang teruk sekali ialah rakyat miskin "dalam bandar". Merekalah yang dalam keadaan sengsara dan daif sekali untuk menampung kehidupan keluarga mereka.

By Roslee on [July 8, 2008 2:29 PM](#)

Askm YABhg Tun.

Patutlah masa saya kecil, kebanyakan Doktor selalu pesan kat saya, jgn suka makan gula-gula nanti merosakkan gigi walaupun ia sedap. Doktor juga selalu pesan kat mak dan ayah saya supaya jgn bagi gula-gula kat anak. Nanti anak yang merasa sakit.

Sekarang saya faham.

Terima kasih Doktor.(Mahathir)

Lee.

By at on [July 8, 2008 2:30 PM](#)

Tun,
Beginilah orang yang tak layak mengaku dirinya layak, orang tak pandai mengaku dirinya pandai. Teguran lansung tak mahu dengar. Kalau macam ni dia mentadbir negara, Mat Sabu pun bolih...Apakah dia tak bolih rasa yang rakyat dah meluat? Ini bukan soal minyak saja yang dia tabur wang sana sini ni apa hal? Apakah dia ingat dia menguruskan kandang kambing? Tak usah kata manusia kambing

pun lari kalau begini cara dia. Saya rasa apa pun yang akan beliau lakukan saya pasti beliau tidak akan dapat memenangi hati rakyat kembali. Berundurlah sebelum disingkirkan. Wassalam.

By paktok on [July 8, 2008 2:37 PM](#)

salam sidang semua...

saya seorang dari ratusan guru yang ditugaskan mengajar di sabah. Apa yang dapat dilihat rata-rata masyarakat di sini tidak kisah sangat pasal sape yang memimpin walau yang memimpin tu dari satu penggal ke satu penggal tak langsung membawa perubahan. Apa yang lebih penting, suku bangsa dan keturunan diutamakan. Bukan kata pemimpin dan kepimpinan khususnya zaman Tun tidak memberi peruntukan untuk memajukan Sabah tetapi sikap tamak haloba pemimpin negeri sendiri harus diambil perhatian. Tengoklah apa jadi, main road dari KK ke Sandakan Tawau Lahad Datu amat menyedihkan. Takkan ini hasil dari kepimpinan pusat? Dah bagi peruntukan pandai2la buat kerja. Sama-sama juga kita ada wakil rakyat tetapi negeri Sabah jauh lebih mundur. Bagi saya, janganlah menyalahkan kepimpinan pusat seratus peratus, orang-orang semenanjung yang datang mencari makan di negeri Sabah, tetapi pada hemat saya, pemimpin BN Sabah sendiri harus pandai mencari peluang, bukan hanya nak kenyangkan tembolok keluarga (istilah orang sabah untuk saudara mara) sendiri sahaja. Ini jalan raya pun, nak baiki memakan masa berbulan, bulan. Hari ini ratakan tanah, 2 minggu lagi baru datang lori untuk turap. Turap separuh jalan, beserta adalah dekat 10 orang pekerja mengerumun satu tempat, rehat..kemudian tangguh 2,3 hari lagi baru selesai. Kualiti jalan jauh lebih teruk dari yang mula-mula dibina. Nak salah kerajaan pusat lagi ke? Saya menyeru orang sabah, tolonglah pilih pemimpin mengikut karisma dan kredibiliti, bukan kerana keluarga atau memang dia dah dipilih, maka pejam mata sajalah yang lain menurut. Setiap satu rumah diperuntukkan daam pilihan raya RM100, tapi yang sampai RM50..RM50 lagi masuk poket orang tengah..saya perhatikan juga di bandar-bandar semakin banyak kelabul malami yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan..Dulu, sepuluh tahun lalu saya sampai di sini, keadaan tidak seperti sekarang..Semoga kita sama-sama insaf dan tidak menyalahkan orang lain atas kelalaian diri sendiri.

p/s: tolong semak perkara 20..respon untuk saudara Usman

By [mat isa](#) on [July 8, 2008 2:39 PM](#)

Salam Tun,

Inilah namanya "harapkan pagar, pagar makan padi", pemimpin umpama hilang kepercayaan kepada kewibawaannya, seterusnya memilih jalan untuk memenuhi kehendak pihak-pihak tertentu supaya dapat mempertahankan reputasi kepimpinannya agar tidak terjejas kelak. Alangkah sedihnya apabila memikirkan wang rakyat yang digunakan semata-mata untuk memenuhi kepentingan politik pemimpin tertentu. Jika perkara ini berterusan, maka kepercayaan rakyat terhadap pucuk kepimpinan akan merosot dan rakyat terpaksa memilih langkah alternatif.

By truthseeker on [July 8, 2008 2:50 PM](#)

Salam untuk YAB Tun & Tun Hasmah serta para bloggers yang dikasihi;


1. Memang betul cakap Tun bahawa terdapatnya peraturan kewangan. Mana2 pegawai kerajaan yang melanggar akan kena tindakan 'surcaj' seperti meluluskan projek tanpa mengikut saluran yang betul. Tetapi apabila PM sebagai orang nombor satu melanggar peraturan, menyalahguna kuasa (rasuah namanya) maka janganlah nak menegur penjawat awam dan rakyat supaya berintegriti, siap ada PIN (Pelan Integriti Nasional), Institut Integriti dll, semuanya pembohongan dan pembaziran. Rakyat sudah lama melihat dan mendengar sikap dan tingkahlaku cakap tidak serupa bikin Dollah. Dalam dunia psikologi, ada istilah dalam defense mechanism di mana seseorang itu menyalahkan orang lain (projection), jarinya menunjuk kepada orang lain supaya orang tidak menuduhnya..Paklah tidak berintegriti tetapi menuding jari kepada orang lain yang korupsi dll. Satu lagi label yang relevan ialah reaction formation di mana Paklah tunjuk sikap dan tingkahlaku yang berlawanan dengan perasaan sebenar. Dia suka membuat perkara yang tidak berintegriti tetapi menunjukkan sikap yang berlawanan di hadapan kita. Paklah tidak sihat. Orang yang terlalu ingin diterima orang lain dengan membuat perkara yang mempopularkan diri adalah petanda mereka yang tidak sihat dari segi psikologi...

2. sekarang baru kita dapat faham kenapa Paklah mahu mengambil hati kerajaan China (tentang kes bogel dalam tahanan polis), Singapura (perlu melapurkan kepada Lee Kuan Yew yang menangis semasa perpisahan Msia dan Singapura sebab sedih kerana ketuanan melayu masih hidup - LKY memang reject ketuanan melayu). Sayang, PM kita tidak stabil, perlukan sokongan emosi semua orang..sesiapa menentang akan dibalas dendam. Ini penyakit orang yang pendiam yang nampak baik. Tapi dia tidak bersalah. Dia baik, tetapi sikap dan tingkahlakunya yang tidak baik, sudah dihasut syaitan. sekarang mau mengambil hati orang Sabah & Sarawak bukan kerana benar2 care tetapi mau survive. Ini penipuan. Kalau tidak kenapa Dollah tersenyum bila SAPP tidak jadi usulkan 'no confident' terhadapnya? Kenapa suka apabila semua ahli kabinetnya menekan rakyat dengan kenaikan harga dan penarikan subsidi? Mana amanah? kejujuran? ketelusan?

3. Dari pengamatan saya, majoriti orang Sabah & Sarawak masih mengekalkan tradisi menghormati orang tua, menghormati pemimpin...dan inilah yang memudahkan Dollah mengambil kesempatan. They lead a simple life, so Dollah knows how to handle them...tabur duit, lepas semuanya back to normal, lihatlah warna sebenar Dollah. Saya sering berjumpa pemimpin UMNO Semenanjung berulang-alik ke Sabah untuk memancing undi.

Kesimpulannya, Dollah membuka pintu dan menjadi model kepada kita cara untuk mencapai maksud dengan kaedah yang salah - korupsi!

Terima kasih Tun kerana membawa isu ini, semoga kita semua sedar dan pilihlah sama ada mahu bersekongkol dengan dollah atau menentang kemungkaran.

By cendanawangi  on [July 8, 2008 3:00 PM](#)

Tun,

1. Budak-budak yang menangis diberikan gula-gula.
 2. Nanti dia menangis lagi kerana mahukan gula-gula.
 3. Dia akan terus menangis bila teringat gula-gula.
 4. Dia akan cari helah kerana mahukan gula-gula.
 5. Dia akan ajak kawan-kawannya menangis kerana akan dapat gula-gula.
 6. Dia dan kawan-kawannya akan merajuk dan marah jika tidak diberikan gula-gula kerana dia selalu dapat gula-gula.
 7. Dia akan gunakan apa sahaja cara untuk mendapatkan gula-gula walaupun dengan cara ugutan.
 8. Takutkan bising dengan tangisan, pemberi gula-gula menambah jumlah dan jenis gula-gula.
 8. Bila sakit gigi dan kencing manis kerana terlalu banyak makan gula-gula dan stok gula-gula pun dah habis, dia akan menjerit marah kepada pemberi gula-gula.
- Tun, minta maaf kerana gurauan ni...

By [ajm](#) on [July 8, 2008 3:13 PM](#)

Yg dikasihi TUN dan Keluarga,

Saya sekarang ini menetap di Sabah. Peruntukan lebeh untuk Sabah dialukan tetapi cara pemberian dari PM itu saya tak sokong. Peruntukan yg diberi dgn ugutan dalam jangka panjang memudaratkan negara. Peruntukan tambahan 'ad hoc' ini tidak ada perancangan seperti yang dikatakan oleh YB Datuk Ghapur dlm parlimen tempoh hari. Trend ugutan ini akan merebak ke negeri-negeri lain. Mula-mula Sabah, sekarang Sarawak, dulu Terengganu, nanti Johor pula, lepas ini????

Untuk perhatian YB Tawau Chua Soon Boi jgn asyik nak politik saja tenguk-tenguklah kawasan Tawau. Duit peruntukan dah dapat, mulalah nak buat projek kroni. Jalan yang dijanjikan dan jalan yg rosak tidak dibuat tapi jalan yg masih cantik ditengah-tengah bandar Tawau diturap. Nak bagi senang kerja kroni. Jalan gelap tiang lampu dipasang tak tak menyala tetapi lampu hiasan terang benderang (membazir letrik dan hiasannya buruk pulak tu). Sampah merata-rata, tong sampah tak cukup tetapi ubah-suai 'roundabout' yg sama dah 2 kali, tak cantik pun, kalau tidak ada org yg pandai dlm seni taman cari pakar dari luar atau anjur pertandingan. Pokok bunga baru ditanam, yg lama tak terjaga. Tawau bandar tepi pantai tapi tepi pantainya kotor, buat taman kanak-kanak dan tepi pantai tidak dijaga. Banyak sampah, lipas dan tikus. Kereta pakir hendak disaman, tempat pakir tak cukup.

Siapa yg buta pun saya tak tahu.

Maaf..maaf..maaf. terlari tajuk pulak. Duit kerajaan bagi berbilion-bilion tapi saya tak rasa satu sen pun, kena keluar duit lebeh ada. Paklah kata kita ubah cara hidup, habis kalau anak nak makan coklat, kita bagi makan apa??? makan kasut burok!!!!

Paklah kata negara tumpukan kepada pertanian. Memang bagus idea tu tapi mana ladang pertanian dan projek-projek besar-besaran yang digemburkan. Setekat tanam sayur depan

rumah diputrajaya saja.ingat, kalau ramai org tanam sayur sendiri, pekebum sayur nanti takan nak pinjam along buat bisnis lain.

Pertanian ok tapi jgn lupa perindustrian pun penting.Paklah sabotage idea TUN untuk permodenan perindustrian.TUN dapat membaca ancaman negara-negara saperti Thailand,China,India, Vietnam dll dengan buruh murah mereka maka TUN menyeru Malaysia untuk tidak bergantung pada tenaga buruh murah tetapi meningkatkan produksi menerusi permodenan,baik dari segi manusia ataupun alatan dan mesin.

Maaf..maaf.. sekali lagi, terlalu panjang pulak berletir macam org parlimen, tapi saya banyak masa sebab bisnis tak bagus, org lain pun banyak masa tapi tak cukup duit.

p/s Saya sekarang sakit kepala memikirkan apa saya nak gelar PM sekarang bila dia turun tahta nanti.BAPA apa nak panggil.Bapa apa? Bapa apa??? Bapa Songket...Bapa Batik... Bapak ZZZZZ , Susahsusahsusah dah dah dapat BAPA MERTUA KJ.

Ada lagi pulak!!

Kalau anwar mahu 4 saksi yg dia liwat org baru boleh salah, nanti jadi PM semua perogol mesti dibebaskan sebab mana ada perogol merogol depan 4 org saksi. Kalau ada 4 org ramai melihat itu TIGER SHOW namanya.

Anwar mana mahu bersumpah dgn nama ALLAH, takut makan diri. Kalau berani, bersumpahlah tidak pernah meliwat sesiapa pun bukan saiful saja.Ulama mana yg kata tak boleh bersumpah, bagilah kami tahu. Bukan ulama kot mungkin ulardalamsemak.

Salam buat semua.

Salam buat TUN dan Famili. Untuk Marina nasihatkan Anwar sikit.

By cakkuncak on [July 8, 2008 3:16 PM](#)

YAB Tun,

The PM says whoever paint a negative picture of the Government can be viewed as a traitor to the country.

What nonsense is he talking about?!!! Just listening to him, you can immediately detect that he is not even thinking of what he wanted to say.

Its the people's money that he is misusing to keep himself in power.

Who is the traitor Mr PM??

By xlahunaix  on [July 8, 2008 3:18 PM](#)

la paktok ni tengok dr pandangan sendiri...bkn nya nak salahkan kepimpinan 100%...kami bukannya tidak kisah cuma pemimpin dari sabah da cuba ttpi klu

peruntukan tidak diberikan mcm mana mereka nak buat tugas...takkan nak tabur janji kosong lu baru nak buat semua 2...dorang dipilihpun oleh rakyat bukan keluarga tau rakan handai...skarang ni pun peruntukan diberikan 1 billion setiap satu tuk sabah sarawak klu saya tidak silap la...awak rasa cukup ka peruntukan spt 2 untuk buat jalan di sabah ni...pikir la...klu nak buat jalan yg cantik makan berjuta-juta ringgit tau tak nka upah org buat lg...lgpun jalan yg kau cakapkan 2 slalu digunakan...klu nak buat jln yg cantik tak rosak jalan kena tutup sampai siap mcm mana org nak cari rezeki klu jalan itu di tutuop kerana jalan itulah saja jln utama mereka...klu takut pasal hal spt ni minta tukar balik p semenanjung...pikir masalah dalaman negeri lu jgn pikir kat pusat ja...kami org sabah paham isu dalaman sendiri jgn nak komen klu tak tau apa2....

assalmualaikum Tun...

slalunya mereka ini akan buat belanjawan dan rakyat akan di beri tau...ttp klu da buat pun last minit baru nak bg tau...susah nak ckp pemimpin skrang main letak bajet jer tiada perancangan langsung...bkn nak ckp apa nila da ada perancangan rakyat tak puas hati senang ja dia tukar plan...mcm tiada pendirian...ahli2 terhormat bawa pimpinannya ikut ja apa yg dia rancang...cuba bersuara...

mana perginya suara tuk rakyat klu dia sendiri tak nka dgr...

mana perginya perjanjian masa dia memegang pemerintahan...apani semua di ubah...matlamat asal da teda...takkan bila semua rakyat da benci baru nak tengada amik tindakan asal...jgn sampai rakyat meluat dgn pemerintahan sekarang...kesian kat rakyat yg masi setia dgn kepimpinan skarang. duit kerajaan duit rakyat jg...

bkn nka mengumpat tau nak mencaci tp ini adalah luahan rasa tak puas hati itu jer...tp bila da ada comment spt ini ISA akan bertindak...ekeke...kononnya nak menjatuhkan maruah pemerintah...bencilah dgn semua 2...pikirkan positif suara hati rakyat bukan nya negatif ja...

By Maruti on [July 8, 2008 3:23 PM](#)

Tun Yang Terhormat,

Memang mereka merasakan Malaysia ini seperti Syarikat Sendirian Berhad tinggalkan bapa mereka! Belanja wang rakyat sesuka hati...

By Noor Faiza on [July 8, 2008 3:25 PM](#)

Salam Tun,

Abdullah Badawi tidak boleh lari lagi. Rakyat dah muak. Majoriti rakyat bencikan Pak Lah. Kita tak nampak masa depan yang cerah bersama Pak Lah.

Saya merayu Pak Lah letak jawatan. Jika tidak saya merayu pula ketua-ketua cawangan dan bahagian untuk tidak mencalonkan Pak Lah di PAU12.

Nasib kita hanya kita sahaja yang berhak ubah. Pak Lah tidak akan merempat jika tidak menjadi presiden di PAU12 nanti. Kita perlukan pemimpin yang baru.

Saya ingin mencalonkan Najib untuk bertanding jawatan Presiden UMNO.

Terima kasih.

By mohamed on [July 8, 2008 3:36 PM](#)

Yang Berhagia TUN
Izinkan saya
Untuk sjankan, July 8 2008

Bagi saya memberi 45% kerusi Parliment kepada Sabah, Serawak dan Johor amat tepat sekali. Bayangkan jika kerusi-kerusi ini ditabur di Selangor, Perak, Kedah, Penang dan Kelantan. Tentu sekali PR akan menang with PKR winning the most seats. Wan Azizah menjadi Perdana menteri Malaysia. Saya tak rela kalau ini berlaku. Dengan ini sekali lagi saya sanjung TUN kerana membuat keputusan yang baik. Mereka tidak berpaling tadah. Saya fikir mereka hanya ingin dihormati "and not to be taken for granted".

"SEKARANG APA DAH JADI?" Kerana dibantu padu oleh Sabah, Serawak dan Johor, Malaysia masih lagi dibawah pentadbiran BN. Thank you.
mohamed

By [Nor](#) on [July 8, 2008 3:48 PM](#)

Tun,
Kerajaan Malaysia dah jadi serupa Mafia. Kerajaan pusat ambil duit balak dari utara dan royalti minyak dari beberapa negeri dan buat macam duit sendiri. Salah satu cara kerajaan pusat retain cash and keep them empowered.
Opposers is punished by shelving project. Rebellions shoved with money. But this act of bribery is done in the open, thus done with transparency. Is this the legal way of bribery? Rasuah di sini memang dah tak boleh di bendung. It rotted from the very top to the very bottom. Dari bentuk subsidi baja, elaun ketua kampung, elaun imam, traffic officer, polis, profiteering, Dato'ship,.... kroni, dan apa yang kita baca di media berkenaan kerajaan pusat dan negeri. Ini semua 'you need me', 'can't survive without my help' and 'ada lubang' mentality.

How do we rid off this situation? Start with top, elevate living status of the public (less crime/ bribery provoked by shortage of money).

<http://gelamapisang.blogspot.com/>

By threesixtynine on [July 8, 2008 3:53 PM](#)

bapa ringgit kasorga

By NIK YUSOFF on [July 8, 2008 3:54 PM](#)

Best ler Cendanawangi...tidak sia-sia you karang semua itu....

By Anak DEB on [July 8, 2008 3:56 PM](#)

Y.Bhg. Tun,

Rakyat dah muak dengan 'politicking' sekarang. Bosan...bosan...!!! Kerajaan patut lebih serius untuk menangani kemelut ekonomi yang sedang melanda. We miss you Tun.....

By Sheikh on [July 8, 2008 4:02 PM](#)

Tun,

Maaf jua kerana komen ini tidak berkaitan tetapi saya ingin menyentuh tentang Hak Melayu.

Bukan saja kaum lain sibuk dengan menyatakan mereka mendapat layanan kelas 2 disamping itu sempat pula mengikis Hak Melayu.

Ikuti lapuran mengenai KJ di parlimen. Betul kita kata betul, ya tak Tun?

SEDUTAN DARI UTUSAN MALAYSIA :

KUALA LUMPUR 7 Julai – Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin diminta campur tangan di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan bagi menangani penghakisan hak-hak keistimewaan bumiputera yang semakin berleluasa sekarang.

Khairy Jamaluddin (BN-Rembau) membuat saranan itu ekoran tindakan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengambil kuota biasiswa pelajar-pelajar bumiputera untuk diberikan kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera.

Beliau memberitahu, di bawah skim biasiswa JPA yang baru, JPA telah memberikan 700 peruntukan biasiswa untuk pelajar bumiputera kepada pelajar bukan bumiputera.

“Biasiswa JPA kekal sebanyak 2,000 tawaran setahun dan tambahan untuk pelajar bukan bumiputera diambil daripada kuota pelajar bumiputera.

“Ini menjadikan nisbah pemberian biasiswa JPA itu kini adalah 50 peratus untuk bumiputera, 45 peratus untuk bukan bumiputera dan lima peratus lagi kepada lain-lain kaum,” katanya ketika membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menegaskan: “Perkara ini tidak boleh diterima memandangkan nisbah itu tidak adil kerana jumlah penduduk bumiputera di negara ini adalah 67 peratus dan nisbah tawaran biasiswa JPA dulu ialah 90 peratus bumiputera dan 10 peratus bukan bumiputera.”

Menurut Khairy, tindakan mengubah nisbah itu adalah satu langkah yang tidak bijak kerana sepatutnya jumlah tawaran biasiswa itu diperbesarkan agar hak bumiputera tidak diambil manakala penambahan tawaran biasiswa dapat diberikan kepada bukan bumiputera.

Hak ini terkikis dalam senyap. Di kikis dari pintu belakang tanpa kita sedari. Didapati kerajaan sendiri melanggar perlembagaan. Dalam konteks ini ialah hak biasiswa. Ini bukan pasar malam atau gerai untuk tawar menawar dalam Hak Melayu.

Apakah Hak Melayu di perlembagaan itu akan menjadi 'patung' atau kulit sedangkan kerajaan yang memerintah gagal menguatkuasakan? Adakah mereka ini akan umpama anai anai yang akan memakan kayu sehingga tinggal kulit sahaja.

Orang melayu berhak atas apa pun tetapi kita tidak minta lebih. Sekadar hormati Hak Melayu.

Cuba kita perhatikan hak melayu di Singapura pula di dalam perlembagaan Singapura:

Article 152 Minorities and Special Position of Malays

(1) It shall be the responsibility of the Government constantly to care for the interests of the racial and religious minorities in Singapore.

(2) The Government shall exercise its functions in such manner as to recognize the special position of the Malays, who are the indigenous people of Singapore, and accordingly it shall be the responsibility of the Government to protect, safeguard, support, foster and promote their political, educational, religious, economic, social and cultural interests and the Malay language.

Mereka negara yang majoritinya kaum China tidak cuba membuangkannya dari perlembagaan sedangkan majoriti parti pemerintah cukup untuk mengubah perlembagaan. Walaupun hak itu di kuatkuasakan cuma untuk orang melayu asal Singapura dan Malaysia sahaja. Di mana melayu dari keturunan lain yang mendatang dari Indonesia umpama Jawa, Bawean dan lain lain tidak mendapat hak ini. Masih lagi waras dari segi logik.

Tidak ada alasan untuk menyamakan hak ini kerana sesuatu kaum itu telah lama tinggal atau lain lain.

Boleh kita kata bahawa sejahat jahat Lee Kuan Yew dia tidak menyentuh mengenai perkara ini. Malah menguatkuasakan. Jadi boleh kita kata bahawa pihak yang ingin

mengikis hak orang melayu itu di Malaysia sekarang lebih teruk dari Lee Kuan Yew sendiri.

Apabila Singapura berpisah dari Malaysia, Tunku menyatakan, "Lebih baik kita memotong babagian badan yang sakit itu dari rosak seluruh badan".

Rupa rupa nya masih ada saki baki kanser itu. Malah makin besar dan lebih teruk dari yang sebelumnya. Adakah ini akan menjahanamkan seluruh tubuh?

Kawan kawan di PKR fikir lah sendiri. Jangan ikutkan hati kerana yang di benarkan ikut hati ialah orang yang hatinya suci bersih yang mendapat petunjuk Allah. Jauh dari penyakit penyakit hati lazim.

By arik  on [July 8, 2008 4:05 PM](#)

Rasuah ,
kita sebagai rakyat malaysia mesti bertindak memerangi rasuah . Perkara sebegini tak boleh dibiarkan . Paklah wajib dibicarakan atas kesalahan seksyen jenayah yang membawa hukuman penjara seumur hidup serta keluarga dia . Wahai rakyat malaysia bangkit menentang ,buat apa patut kita tunggu lagi perkara begini. nanti duit habis kita sebagai rakyat malaysia juga yang menjadi mangsanya. Inilah yang dikatakan kezaliman

By Born84 on [July 8, 2008 4:14 PM](#)

Salam Ybhg Tun,

Keadaan seperti ini tidak boleh lagi dibenarkan oleh ahli-ahli UMNO,BN,kerajaan rakyat.

Abdullah kini tersepit dalam mendapatkan kepercayaan rakyat...ada yang digulakan..ada yang digaramkan...Abdullah kini cuba membuatkan dirinya selamat dengan membenarkan pelbagai isu fitnah berleluasa.

Ini akan memberinya kerja mudah untuk meraih simpati apabila ditengah-tengah kekusutan yang berlaku,dia menjadi seolah-olah 'Mister nice guy'. Segalanya dia ingin mudah dan senang.Dengan mengorbankan 'orang sendiri' dan melagakannya dengan Ayam Gila...Abdullah boleh mengambil kesempatan yang baik untuk tumbangkan keduanya sekaligus.

Dia ingat dia pandai,tapi akan berlaku lebih banyak kerosakan kepada kerajaan dan rakyat.Ini satu buktibahwa Abdullah amat pentingkan diri sendiri.Apa-apapun Tun tetap yang terbaik.

Terima kasih Tun.

By Siva on [July 8, 2008 4:25 PM](#)

We have a volatile combination :

1. The risk averse PM
2. PM's die-hard sidekick the deputy PM
3. Very mathematical Finance Minister II who actually does all the arithmetics for FM I (PM). FM II may make a good Governor of Bank Negara since he has the arcane ability to create huge reserves but very poor in Smart spending being a risk-averse himself. So the gula-gula money for the Borneo has come at the expense of the Penangites, PM's own land which he gives no damn.
4. The rally mongers from the Youth wing(they are as good as Anwar in organizing rallies)

No wonder the country is sinking.

By Abd Rahim on [July 8, 2008 4:25 PM](#)

Orang melayu memang pandai perumpamaan untuk setiap keadaan
'Anak sendiri mati kelaparan,Beruk dihutan gemuk kekenyangan'
sekarang ni sedar atau tidak krisis sektor pembinaan memang terjejas teruk, sekarang ni boleh nampak ramai yang dah mula jadi miskin sebab pentadbiran kerajaan yang cepat melatah.

By Pak Lah : Dari Tok Siak Jd PM  on [July 8, 2008 4:28 PM](#)

gula2 dlm poket dia byk sgt kot...
esok dh habih baru dia x ketahuan...
GULA2 pun dia xtau nk urus
tu pun nk jd PM
baik jadi tok siak kt kepala batas ja...

Hidup TUN...

By budak on [July 8, 2008 4:45 PM](#)

Kami tak mahu DOLLAH, tak mahu NAJIB, tak mahu MUHYIDIN.. tak mahu ANWAR... kami mahu pemimpin yang beriman dan zuhud seperti NIK AZIZ

By Mirdif on [July 8, 2008 4:47 PM](#)

Assalamua'laikum YBhg Tun,

Perlu ada gerakan berterusan untuk Pak Lah turun dari tampuk pemerintahan. Pak Lah sudah tidak dapat manage Malaysia dengan berkesan lagi. Yang anehnya kenapa ahli-ahli kabinet senyap. Kalau takut nanti hilang jawatan maka mereka semua ini hanya pentingkan diri sendiri. Orang yang pentingkan diri sendiri tidak boleh menjadi wakil kepada rakyat. As simple as that!! He seems to be who's benefit most in current political chaos between DSN and DSAI.

Semakin lama Malaysia semakin hancur. Masalah Ekonomi dan Politik Malaysia sudah tidak boleh ditutup lagi. Seluruh Dunia mentertawakan Malaysia sekarang. Jika perlu ada gerakan dari dalam ianya sangat urgent ketika ini.

By Offshore Representative on [July 8, 2008 4:51 PM](#)

Alahai Pak Lah kena lagi !!!

By AyoI on [July 8, 2008 4:56 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Terima Kasih kerana terus memyumbangkan buah fikiran serta komen-komen yang berterus terang, jujur, matang demi masa depan agama, bangsa dan tanah air. Memandangkan AAB menggunakan duit rakyat sewenang-wenangnya, apa kata kita ramai-ramai jangan bayar cukai pendapatan lagi. kalau ada lebih dari 5 juta orang pembayar buat macam ini..biar dia minta duit dari Kamaluddin, Khairy, Tony Fernandes, Kalamullah, Patrick Lim dan keluarga-keluarga mereka. Salammm

By rumpus on [July 8, 2008 5:02 PM](#)

Inilah yang dikatakan manusia takut hilang kuasa sanggup membazir untuk meraih sokongan dari orang2 sabah dan sarawak.

Hi manusia yang bernama Abdullah adakah awak insan atau manusia.

Muslihat apa lagi yang abdullah nak guna...

Al-Ghazali yang dicari konon.

Retorik memakan diri.

By jalak lenteng on [July 8, 2008 5:20 PM](#)

Asslammualaikum Tun,

Kalau keadaan politik negara ini berterusan begini, apalah akan terjadi? Saya kesihkan anak-anak kita nanti yang tak akan lagi merasa kesenangan hidup di bumi Malaysia bertuah ini. Tolong lah Tun buat sesuatu untuk membetulkan mereka2 yang telah jauh menyimpang dari matlamat asal untuk memerintah negara tercinta ini.....

By observer on [July 8, 2008 5:37 PM](#)

YABhg Tun,

Jelas dalam pilihanraya lepas, Sabah/Sarawak memberi kemenangan kepada bn. Pendapat saya, sekiranya pas tiada dalam pr, mungkin bn tumpas di peringkat persekutuan. Dari dulu lagi kedua-dua negeri ni menyumbang kepada bn. Namun pada peringkat pusat, orang melihat mereka tidak diwakili sewajarnya. Tidak juga mudah untuk pemimpin pusat membuat keputusan dalam hal ini kerana perlu juga sensitif kepada negeri-negeri di semenanjung.

Akan tetapi dalam pilihanraya lalu, jelas Sabah/Sarawaklah sebab utama bn masih memegang tampuk pimpinan di pusat. Apabila dsaaab tidak mengambil kira ini dalam perantikan kabinet walaupun telah menerima maklumbalas sebelum perantikan, maka Sabah/Sarawak terutamanya Sabah 'membuat bising'. Untuk meredakan perkara ini, pelbagai dijanjikan kepada mereka.

Pada pilihanraya akan datang, sekali lagi bn akan banyak bergantung kepada 2 negeri ini. Dengan membeli 'gula-gula' sahaja tetapi tidak disusuli dengan perancangan jangka panjang, bn pasti menghadapi lebih banyak kesukaran pada pilihanraya akan datang.

By azmany on [July 8, 2008 6:05 PM](#)

Persoalannya: dari manakah duit berbillion itu akan datang? Walhal kita tahu belanjawan sudah dibentangkan dan setiap sen wang pendapatan kerajaan telah diperuntukkan.

Jawapannya: wang runtuh dari penjimatan penarikan subsidi minyak dan penambahan hasil dari harga minyak dan minyak kelapa sawit yang terus tinggi. Bukankah wang tambahan ini patutnya digunakan untuk meringankan beban rakyat dengan menaik-taraf infrastruktur pengangkutan awam?

Tindakan PM kita ini ialah satu 'breach of trust'. Semua orang mukmin tahu bahawa kesalahan seperti ini adalah satu dosa besar dan orang yang melakukannya telah rosak akidahnya. Rasulullah SAW mengingatkan Abu Dzar Al-Ghifiri dengan sabdanya yang bermaksud: "Sesungguhnya kepemimpinan itu adalah suatu amanah, pada hari kiamat ia adalah kehinaan dan penyesalan kecuali bagi mereka yang menunaikan amanahnya dengan sempurna seperti yang dipertanggungjawabkan."

Sesungguhnya, saya amat bersimpati dengan Pak Lah yang dahulunya dikenali sebagai a living saint, kini telah mabuk kuasa dan kini terus memasuki lubuk hitam dengan dikelilingi iblis-iblis yang membisiki ayat-ayat manis ketelinganya. (*essh... macam cerita seribu satu malam sahaja kan.*) Boleh dibayangkan bagaimana terseksanya aruah DS Endon menyaksikan perubahan lelaki yang disayanginya dahulu. Pak Lah tak pernah dilawati dalam mimpinya ke oleh DS Endon? Atau mungkin sudah dan beliau menangis keseorangan di tengah malam tapi hanya mampu berkata "Maaf kan saya... tapi saya sudah jauh tersempang dan tak boleh berpatah jalan semula."

Marilah kita memakai armband/baju putih sebagai tanda protes rakyat dan disamping itu berdoa agar PakLah dibukakan pintu hati untuk melakukan perkara yang betul sebelum terlambat.

By reza aljunaid post on [July 8, 2008 6:11 PM](#)

Salam Tun,

Gula-gula kalau dimakan terlalu banyak akhirnya akan beri kesan buruk pada tubuh. Dapat sakit kencing manis. Potong kaki. Potong tangan. Buah pinggang rosak. Jantung rosak. Hati rosak. Apabila seluruh jentera tubuh rosak maka berakhirilah riwayatnya.

ANWAR DAH DECLARED AKU NAK JADI PM .. AKU NAK JADI PM

Laa nih Pak Lah tak boleh pandang mereka sebelah mata xpecially bila si Anwar nih dah declared cita-cita setinggi Gunung Everest dia. Pak lah for sure tak mahu diLEBEL dan disebut dalam 'Hari Ini Dalam Sejarah' ... dibawah pimpinan dia .. Negara Malaysia buat kali pertama jatuh ke tangan Parti Pembangkang.

Akan tetapi - saya percaya bahawa tidak salah kita memberi ruang lebih besar kepada dua negeri ini sebagaimana mereka yang banyak menyumbang 2/3. Namun .. ianya patut melalui proses yang telah ditentukan seperti mana TUN katakan.

Jika Pak Lah dengan niat lain menaburkan wang FEDERAL kepada dua negeri ini - Besar kemungkinan lah ianya akan jadi lain. Akan wujudlah KJ di dua negeri ini. Dia orang akan sumbat semua duit dalam kocek sendiri dan akhirnya seperti mana salah satu

komen disini mengatakan dia tidak pasti semua wang tersebut akan SAMPAI ke KAMPUNG nya.

Tapi Pak Lah jangan lupa .. Anwar bukan bodoh .. sebanyak mana guni duit dibawa ke Sabah dan Sarawak pun .. Anwar akan beri lebih banyak. Sebab Anwar pakai USD ... hahahaha .. mana boleh menang dengan dia Pak Lah Ooiiiiii. Dan akhirnya .. orang akan kata TUN memang lebih bijak. Tun dah nampak perkara ini lebih awal.

Kesudahannya ... yang untung ialah wakil rakyat yang lompat parti. Duit Pak Lah masuk poket kiri ... dAN Duit USD Anwar PUN DIsumbat dalam karung Guni sendiri.

Akhirnya ..

Pak Lah menung Gigit Jari ..

Rakyat Sabah dan Sarawak yang Rugi ..

Wakil rakyat [Yang Lompat Parti ..] keluar negeri ... bawak semua anak bini dan enjoy serupa tak ingat ada rakyat melarat serupa mahu MATI

Pasal Pak Lah Tak Reti Control ... Petrol naik berkali-kali.

Kalau TUN tanya ... apakah ini RASUAH ?

Pak Lah akan jawab .. INVESTMENT ..

Wakil Rakyat Sabah dan Sarawak jawab ... NO COMMENT ..

Maaf ajer Tun .. kalau tidak tepat firasat dua sen saya nih.

Wassallam ...

Secebis pantun ... Buat Rakyat dan Pemimpin Hantu Raya ..

Pak Lah Tertidur Atas Kerusi

Menantu Menari Ashik Sekali

Duit Negara Macam Duit Sendiri

Itulah Menantu Pak Lah si Khairi

Najib Sedang Menghitung Hari

Kes Attantuya Belum Mati

Silap Haribulan Kubur Mari

Tersungkur Kerana Nafsu Sendiri

Anwar Tidak Berdiam Diri

Jawatan PM Membakar Hati

Rakyat Bertinju Dia Tak Peduli

Janji Dia Puas Hati

Amerika Senyum Geli Hati

Anwar Suruhan Sentiasa Diperhati

Yang Sengsara Kita Sendiri
Terutama Penyokong Anwar Sendiri

Mari kita tekat Hati
Memilih Pemimpin Berhati-hati
Agar Kita tidak Mati
Dalam Negara Kita Sendiri

Pemimpin Lain Mari Kemari
Jangan Cuba Lepas Lari
Engkau Penyumbang Kekusutan Ini
Jangan Bersikap Penting Diri

Sejarah Tidak Berulang Sendiri
Manusia Mengundang Ia Mari
SiJebat Tidak Akan Kembali
Rakyat Jugak Mesti Berdiri

Semua Rakyat Sedarlah Diri
Kita Menyokong Separuh Mati
Seksa Kita Anak Bini
Sebab Pemimpin Penting Diri

Rakyat Diajak Berhimpun Lagi
Tapi Kita Tak Sedar Lagi
Penat Lelah Serupa Mati
Pemimpin jugak Kaya Lagi

Harga Petrol Naik Lagi
Pemimpin Tak Pernah Susah Hati
Dasar Duit Dia Berguni
Rakyat Disuruh Jalan Kaki

Biar pun Petrol Naik Lagi
Kereta Pemimpin Tambah Lagi
Debik Dada Pembela Terkini ... (konon nyer laa)
Rakyat Mati Ditempat Sendiri

Kepada TUN .. 'sumbangan Tun disini amat dihargai'
Walaupun ini cuma nampak macam tempat tidak puas hati ..
Tapi ia akan diubah nanti ...
Tak perlu tunggu pilihanraya yg akan datang nanti ..
Kepada pemimpin yang terasa hati .. Sudah tiba masa mengubah Diri ..
Jaga Kebajikan Kami .. Atau Anda Kami Akan Ketepi ..

.... Cukup lah dulu yer .. nanti saya sambung lagi ...

Bungaraya .. Hari Raya
Tak Perlu Tunggu PilihanRaya
Kepada Pemimpin Bongkak Macam Hantu Raya
Awat ... Jangan Ingat Hari-Hari .. Macam Hari Raya ..

Dari saya jugak si Bungaraya ..

By Durian on [July 9, 2008 2:15 AM](#)

Parti2 yang ada sekarang ni dah kurang relevant...jomm la kita buat parti baru.

By Durian on [July 9, 2008 2:20 AM](#)

Salam'kum TDM and all;

Kepada yang hadir majlis ceramah TDM, share2 lah dlm youtube ka video ceramah TDM. Boleh la orang yg dok jauh2 tumpang tengok. Teringin sangat nak tengok setelah sekian lama TDM tak dapat muncul di national TV.

Wassalaam

By mdmtab on [July 9, 2008 8:00 AM](#)

dear tun,

your ideas and thought are brilliant,keep writing, we miss your open/official speech.It is sad that the government did not recognise or simply ignore the fact you are intelligent, full of great ideas to contribute. By not asking your opinion on issues relating to politics or economics, we malaysian are rid of greater future.

We let simple politics and economy govern us. We are loosing lots of opportunity to others within and outside the country.

Tidak pernah menyangka untuk menyaksikan, orang kita begitu tidak beradab,beretika,bermoral dalam mengingati TUN sebagai orang yang banyak berjasa pada rakyat dan negara.MALU betul tengok orang muda begitu rakus dan tidak sopan bila berhadapan dgn orang tua.

Very sad.

By all4rez on [July 9, 2008 9:02 AM](#)

Assalamualaikum ayahanda Tun. semoga sehat hendaknya, InsyaAllah....

Saya sebenarnya AMAT TERSINGGUNG bila Tun mengatakan bahawa pemberian peruntukan ke negeri Sabah dan Sarawak sebagai GULA-GULA. Kenapa mesti usaha untuk membangunkan negeri Sabah terutamanya, iaitu sebuah negeri termiskin di Malaysia (walaupun antara negeri yang paling banyak menyumbang hasil ekonomi

seperti minyak, kelapa sawit, koko, dsb) tetapi dianggap sebagai satu perkara remeh dan berbentuk GULA-GULA?...

Sepatutnya kerajaan Persekutuan sedar bahawa tanggungjawab pembangunan hendaklah dilakukan seadil-adilnya tanpa mengira lokasi.

By boonkwee  on [July 9, 2008 9:02 AM](#)

Selamat Sejahtera Tun,

Nampaknya wawasan 2020 tidak mungkin boleh dicapai lagi setelah negara ini dipimpin oleh Paklah. Pembangunan negara sedang mengundur dan tidak nampak bergerak ke hadapan. Yang jelas sekarang ialah satu jambatan pun tak dapat dibina. Mana wang itu pergi?

Santa Paklah seorang pemimpin baik hati yang tak ada vision. Dia lebih suka mencari populariti sendiri daripada melaksanakan sesuatu yang menguntungkan rakyat. Selain memberikan gula-gula, dia sudah kosong idea. Jangan salahkan dia kerana kalau tidak BN akan tumbang.

Semoga Tun sihat selalu.

By Ana on [July 9, 2008 9:19 AM](#)

Tun,

This is my first time writing to your blog though I have been reading your writings for quite some times. As many people have said, I'm also one of your fans. I don't fan singers, actors etc, but I fan leaders who can bring Malaysia to higher level in the eyes of the world, and you are one of the very few. Similarly, I'm sick of the current politics in Malaysia. Let me recall on the issue of the cancelation of bridge to Singapore, I was told it was to penalise the State Government/Johoreans for not allowing the selling of sands and right to airspace to Singapore. As usual someone is behind Pak Lah. Ehmm...God knows who...The reason given by Pak Lah is that Johoreans don't want the new bridge. I don't find the logic as I don't see any surveys been done prior to arriving at the decision. Even the State was silent on this issue.

Pak Lah janganlah memperkotak katik kan rakyat. Ini zaman new millenium, minda rakyat dah terbuka. I share this sentiment with Tun.

So, Pak Lah nak buat apa dengan "Gajah Putih" kat Johor tu? "Iskandar Johor" pun dah bertukar nama "Iskandar Malaysia". Melepas le... orang Johor.
Allah selamatkan Malaysia.....

By pdaprinter  on [July 9, 2008 9:57 AM](#)

Dear Tun,

Please share what are the characters needed in the PM of Malaysia. Thank you.

By Nik A. Azmi on [July 9, 2008 9:59 AM](#)

Memandang scenario sekarang, saya nampak Tun tidak lagi ada keyakinan dengan pucuk pemerintah dan kabinetnya? Kenapa Tun masih lagi nak suruh orang UMNO pilih Presiden UMNO baru dari kalangan kabinet sekarang jika mereka itu semuanya "have no balls" as you said privately recently?

Tidakkah negara ini memerlukan pucuk pimpinan yang baru yang boleh menangani masalah yang melanda negara kita sekarang?

Tun kata Tun tidak ada dendam dengan T. Razaleigh tetapi dari kaca mata dunia ini tidak mencerminkan sedemikian. Tun masih menyokong Najib yang Tun kata "have no balls" untuk lawan PM sekarang pada masa sentimen dan pemikiran majoriti rakyat Malaysia memihak kepada T. Razaleigh walaupun sistem korup dalam UMNO menafi T. Razaleigh dari diberi peluang untuk melangkah ke gelanggang. Niat T. Razaleigh untuk bertanding yang diluahkan beliau dibuat serba susah akibat sistem korup ini. Namun ini tidak menjadi penghalang kepada T. Razaleigh yang telahpun istihar bahawa beliau menawar dirinya untuk bertanding jawatan Presiden UMNO bulan Disember ini. Ini anak JANTAN MELAYU SEBENAR, Tun!!

Saya peka bahawa Tun mahukan sistem kuota yang Tun dan Arwah Tun Ghafar masukkan dalam sistem pemilihan UMNO dulu dimansuhkan oleh sebab yang diketahui penuh oleh Tun sendiri. Tapi, masalahnya, sistem ini akan tetap dipakai bagi menyusah orang seperti T. Razaleigh untuk masuk gelanggang. Walaubagaimanapun, doa yang saya dengar dari hati kecil rakyat jelata yang tidak termasuk yang korup dalam UMNO dan mungkin juga Tun dan orang-orang Tun sendiri, saya harap Malaysia di kurniakan kepimpinan T. Razaleigh untuk lima tahun ke hadapan bagi membawa balik keadilan dan kesahjeteraan yang patut ada dalam negara kita.

Tun, Fikirkanlah masak-masak! Janganlah dalam keadaan seperti sekarang Tun masih nak berdendam. Dulu dengan T. Razaleigh, sekarang dengan Abdullah dan Khairy pula. Gunalah pangkat orang tua yang berpengalaman Tun itu untuk bermusyawarah dengan semua pemimpin demi kebaikan rakyat Malaysia semua. Saya akan berada di barisan hadapan jika Tun buat ketentuan ini.

Salam & Maaf Tun jika saya tersinggung perasaan Tun yang kami sanjung tinggi atas jasa Tun untuk negara.

By ProtegeJugah on [July 9, 2008 10:32 AM](#)

Cuba kita fikir secara logik, adakah patut semasa rakyat hidup siksa, lesen / permit peniaga kecil dipermudahkan? Nak hidup pun payah, inikan berniaga. Mana nak dapat modal. Buat loan, lagilah tak bertanggung. Dulu masa senang punyalah payah nak dapat, dah susah camni baru nak bagi. Kalau ramai yg berniaga, siapa plak yang nak beli?

Semua org dah kontrol berbelanja. Pasar malam pun dah sunyi. Apa punya keputusan ntah? Pikiaq guna kepala lutut ka?

Islam ada satu jer. Islam Hadhari tu maksudnya Islam ada HAD dan ada HARI, tengok keadaan famili dan kronilah, Kalau perlu buat baik, buatlah, kalau perlu buat onar pun buat jugak. Tengok hari!

Rakyat sekarang nak kebajikan. Tun dah buat pembangunan yang solid, la ni hang (AAB) takyahlah buat benda sama yang hang tak mampu. Kami nak kebajikan. Pikiaqlah sendiri, kalau minyak naik harga takkan benda lain tak naik, ingat nelayan yang gi ke laut tangkap ikan dan lori dr Kuala Kedah, Terngganu dan mana2 jer tu pakai ayaq ka nak deliver benda2 tu? Adoiiii kenapalah makhluk ni dilantik jadi ketua??????? Anyway Thanks Tun for what u ve done to us (+ the country)

By ttlebon80 on [July 9, 2008 10:48 AM](#)

YB Tun

Thank you for the observation. The REAL question now how can RAKYAT benefit from it? RAKYAT are suffering with the increase of food, fuel prices and what can the RAKYAT do?

I see soo many people read your blog and give their comments but will all their comments help the RAKYAT situation now? There are so much talks and no action taken. The RAKYAT's money being given away and RAKYAT will have to pay for the consequences.

Please somebody tell me what can we as the RAKYAT do?

By zaiton  on [July 9, 2008 10:53 AM](#)

Dearest Tun,

Akum....., I agree 101% with belemoih. Dalam gula-gula tu mesti ada racun. Jangan ingat semua yang manis tu baik. Ingat pepatah melayu kata 'mati semut kerana gula'. DSAB dan kerajaan yang 'sewaktu' dengan nya senang2 lambak \$ sana-sini tanpa perancangan. Macam masjid kristal kat Trengganu dan juga replica masjid terkemuka dunia tu. Apa faedahnya pada rakyat Malaysia amnya dan rakyat Trengganu khususnya.....xde plan ape2 tup..tup..jadi aje.....Buang duit.....Konon2 nak tunjuk pandai dr. Tun.....La ni Islam Hadhari yang depa dok laung2 tu sapa pun x faham, jangan kata orang umum, pak iman surau pun gelabah juga bila kariah tanya!!!!!!!!!!!!!!

By damai on [July 9, 2008 10:56 AM](#)

My Dearest Tun,

It is very fortunate to see your knowledgable comments through this blog and what is

happening to Malaysia today. Deep inside themselves, they know what they are doing is wrong but they would rather be a hypocrite. The truth is getting close to be revealed. It is just a matter of time. I am behind you Tun!

By Ahmad Joe on [July 9, 2008 10:56 AM](#)

Assalamualaikum Tun,

Saya yang duduk jauh ni pun agak terkejut juga kerana tiba-tiba sahaja Pak Lah mengumumkan peruntukan berbillion Ringgit kepada Sabah dan juga Sarawak. Saya cukup yakin bahawa Pak Lah amat takut kehilangan kuasa dan proses peralihan kuasa yang digemburkan itu pula nampaknya semacam samar-samar. Macamana ni Pak Lah, di manakah ISLAM HADHARI MU itu? Peluk sana peluk sini, sentuh sana sentuh sini, pegang sana pegang sini, bulan puasa jadi imam terawih. Iskh... Apa kena dengan penyokong Pak Lah ni hah, BUTA TULI KA?

Letak jawatan lah Pak Lah, beri laluan kepada orang lain. Pak Lah tak akan dapat memulihkan UMNO. Sokongan yang Pak Lah dapat adalah daripada orang-orang yang takut kehilangan kedudukan dan wang. Nama sahaja sokongan dari peringkat akar umbi. Ketua Bahagian dan ketua cawangan kena la cakap manis-manis, kena la tanam tebu kat mulut, kalau tidak, habih lah jawabnya. Mana pi akar umbi kat Selangor, Kedah, Perak dan P.Pinang masa PRU 12 hah Pak Lah? Pak Lah tak boleh pikir ka? Kalau Pak Lah tak turun sekarang, PRU 13, Malaysia punah dan Pak Lah masuk dalam Malaysia Guinness book of records dalam bahagian MALU TERBESAR.

P/S: Ayahnda peluk kitab, Anaknda peluk.. Iskh.. paham-sajalah..

By hanfeytze  on [July 9, 2008 11:01 AM](#)

tun yang saya hormati dan sanjungi,
saya amat sedih dengan tindakan pak lah menabur duit dengan tidak ada had semata-mata untuk memenuhi kehendak sesetengah pihak sahaja. pada saya pak lah telah hilang pedoman dan sesiapa saja boleh menuntut habuan dengan alasan jika tidak dipenuhi maka hilanglah sokongan mereka. ini amat berbahaya jika dibiarkan berterusan kerana ini melibatkan wang rakyat sedangkan rakyat menderita sekarang. dalam masa yang sama menyeru supaya berjimat cermat tetapi disudut yang lain menabur wang untuk menagih sokongan... adakah ini pemimpin yang kita harapkan? tetapi selagi pak lah tidak turun selagi itulah perkara ini akan berterusan dan saya takut ini akan menjadi budaya mereka. teruskan berjuang tun...
sekian

By M.H puteh  on [July 9, 2008 11:06 AM](#)

Penghalang Wawasan2020 : pemimpin atau rakyat?

www.mencandat.blogspot.com

By azari on [July 9, 2008 11:40 AM](#)

Tun,
duk semeja ngan Tok Nik...masuk PAS...
inspirasi dan majukan Islam yg dalamnya ada Melayu,India Cina..
Allahyarham Fazdil Noor pernah berdoa agar Allah SWT panjangkan usia Tun untuk Tun
lihat kesilapan Tun.
kepimpinan dan inspirasi selama 22 tahun memang tiada tolok bandingnya..
mungkin masih ada masa untuk Tun perbetulkan keadaan bila bersama PAS...

By mcguyver99  on [July 9, 2008 1:02 PM](#)

Hi Tun,

Believed u still in good health.

I knw Malaysia still indebts with Japan and some other countries but I dun understand every mth, our government collected billions of billions of taxes and funds from various parties like EPF,SOCSSO,TAX Dept and etc... I would say, averagely 1 malaysia contributed 12% for EPF SOCSSO and TAX and averagely about RM300 per mth per person.

We have 27,496,000 population, we take about 60% of it as tax payer 16,500,000 x RM300 = RM4,950,000,000 every month. Havent include oil royalties, business tax, excise duties,food tax,road tax, toll, revenues, etc etc etc...

I wonder where're all the money going to? to someone's pocket? I believed, its enough to cover all gowemnt official salaries,country expenses,subsidies, etc etc with some MONEY LEFT TOO!!! Comon how much is our MPs n other official salaries, our PM only RM20k per month, who else can higher than him?

What is the REAL situation facing by our country? NO MONEY???? That is RIDICULOUS!!!

To b true, go and ask those civil servants and official who handle gowemnt projects. Chk their vendors and sub-cons which approved by them. Check their quoted pricing for each projects. I believed its price much more expensive than market price.WHY? Remember the newspaper found out the Screw Driver for govnmnt school purchase at RM38? Isit a gold plated screw driver?

If corruption doesnt happen in our country and our ministers spend wisely FROM THE BEGINNING, Malaysia wont be in such situation like now....

By aMalaysian on [July 9, 2008 1:42 PM](#)

Dear Tun,

A good many years ago (when TV was introduced in the 13th state), when the policies began to change the landscape in Malaysia, I thought my grandfather was going nuts when he "argued" with the tv when ever news came on.

I remembered clearly each time he watched the news he commented that the changes would affect the future of Malaysia. While he is no genius, he saw the change that came about in the coffee shops, the government offices etc. The flow of visitors during festive seasons changed as well since there began to be awareness of the differences among the people-you know what I mean.

Towards the end of his life, he refused to watch news which at that time was only TV1 and TV2. The statement he did repeat a few times when topics on politics was brought up, was that "What is being done will affect the country's destiny". Little did I realise then, it would come true.

My generation grew up and woke up to a change. The generation now, see their differences the moment they walk in to a national type school through the activities amongst others.

What has this got to do with what is currently going on? A thousand and one answers I suppose. Yet what I do know, (and I know you are a very, very well read person) is that the blame game has to stop. We need someone to bring our beloved country forward in a positive way.

We had picked up baggage on the way, let's throw the unnecessary baggage and move forward.

Sadly, it is easier said than done. This is what a man I met on the plane many years ago had this to say about us Asians and non-whites, "The non-whites holds the bounty of the earth, but, they are too busy throwing mud at each other, killing each other, cheating each other, stealing from each other to realise that the gold is in their very own backyard." He added further, "They blame everyone for their misery and refuse to accept the fact that their destiny lies in their own hands. They rather see differences for their own gain rather than the common values they share. They cling to power with whatever means they can. They fail to see that the world does not revolve around them. That's the only difference between the developing and the truly develop countries."

As for me, what do I see? I vote but the results no longer interest me. I don't watch the news, rarely read the first ten pages of the news and a few years ago began to see people on the streets regardless of the race, religion and background as GOD's creation. Each has his/her own place in this earth on to be and to have humility, forgiving heart and gratefulness. It is not easy, neither is it difficult if we do it one day at a time.

Thank you for those positive changes you made for the country.

May God Bless you and Toh Puan with good health always.

By vauxhaul on [July 9, 2008 1:46 PM](#)

you were alwiz my inspiration TUN

By Along on [July 9, 2008 2:01 PM](#)

Betul Tun,

Saya Sokong! Hukuman rasuah sebegini selayaknya dipenjara seumur hidup, itu pun kerana tak sampai hati nak bagi hukuman BUNUH!.

By fawz on [July 9, 2008 2:08 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

General Orders di-abaiakan!!! jadi apa guna nya kerajaan bayar gaji Zaid Ibrahim dan Rais Yatim?

Jikalau undang2 sudah tidak lagi diperdulikan maka, Rakyat mesti bangun sekarang juga untuk menuntut AAB meletakkan jawatan!!!

Ayoh Datuk Mukriz dan rakan2 seperjuangan anda yang bemarkwah selamatkan kerajaan sekarang juga. Pimpinlah Rakyat untuk mengadakan perhimpunan besar besaran untuk memaksa AAB meletakkan jawatan sekarang juga. Rakyat akan tentu menyokong pihak yang benar, tegas dan bemarkwah.

Terimakasih, Wassalam.

By mrnawie on [July 9, 2008 2:27 PM](#)

salam buat Tun n keluarga,

terasa amat sedih melihatkan keadaan negara masa kini.realitinya ekonomi masyarakat semakin parah,namum peruntukan pembangunan bertambah-tambah.kemana perginya! selepas "the dawn raid" saya memulakan alam pekerjaan,melalui financial crisis,merasa kecewa cara pengendalian Anwar ketika itu,bangga dengan ketegasan Tun menangani krisis w/p ditentang seluruh dunia(your speech in Argentina is a master piece Sir!) tapi selepas itu apa terjadi? Tun mengundur diri,landasan berkembar Rawang Ipoh ditangguhkan,kemudian dijalankan semula dengan kontraktor yg baru n tambahan peruntukan beratus juta Rm. N now atas alasan untuk menjana ekonomi landasan berkembar disambung hingga ke Padang Besar dgn perbelanjaan lebih Satu Billion!, Jambatan Bangkok bibatalkan,ganti rugi bibayar ratusan juta,sementara itu kontraktor besar n kecil lain golong tikar kerana posisi "who u know" n kemunculan golongan sasar yg baru!

terkini masyarakat membicarakan projek pengkomputeran suatu jabatan k'jaan yg menelan kos biaya lebih RM1.2billion! yg dikendalikan oleh golongan sasar yg baru ini. Bill gates pasti berbangga dgn kecerdikan kita dlm pengendalian IT n ianya merupakan

mercu tanda kejayaan Multi-Media Super Coridor yg Tun asaskan tak lama dulu!
Ini adalah sedikit andaian sebagai jawapan kpd persoalan kemana perginya.sebarang penambahan dialu-alukan agar kemana perginya dpt kita ketahui.
Terima Kaseh Tun atas kesejahteraan yg Tun berikan kpd kami selama 22 tahun.May God bless u n family alway

By overview on [July 9, 2008 2:42 PM](#)

actually sy digembar-gemburkan jugak kedatangan DSAAB 2-3 hari sebelum kedatangannya dan saya amat malu bila membaca surat khabar yang menyatakan seolah kami minta "ang pow"dari Pak Lah.. walaupun dijanjikan berbilion ringgit tapi saya rasa kalau kerajaan persekutuan tak hulurpun kami sarawak memang ada budget.kalau dari segi ekonomipun kami lebih kaya dan lebih kukuh berbanding semenanjung.lagi satu saya dedahkan,, banyakpun budget dikeluarkan DSAAB hanya menguntungkan kontraktor dari Semenanjung sebab kebanyakan projek swk sekarang ni banyak campur tangan kompeni sana..kalau diselidikki maybe boleh jadi kroni kot.. kalau tak sorrylah saya tak fitnah.. kemungkinan jer..So bila faedahnya datang kepada kami sebenarnya saya tak tahu..Saya bukan anti Semenanjung tapi bab pembangunan ni kalau seragam..ekonomi sarawak taklah membazir sangat ke Semenanjung jer.....n CHedet,, saya memang akan terus sokong kamu.. n saya berbangga jadi anak MALaysia lahir dalam pimpinan kamu.. tapi masuk pemerintahan sekaran rasa nak berhijrah ke Brunei pun ada.. kerja kat Singapore pun ada..Cuma saya masih sayangkan orang tua saya..

By kemboja on [July 9, 2008 3:51 PM](#)

ehm... CEMERLANG - GEMILANG - TEMBERANG (oops! wrong spelling)

By tajulazali on [July 9, 2008 4:07 PM](#)

KALAU ADA SESIAPA YANG BERNAMA PROF MADYA MOHAMAD JAIS ATAN, SILA HUBUNGI SAYA.....LAMAN NI MESTI KEGEMARAN DIA

By crazyidiot on [July 9, 2008 4:11 PM](#)

Bank Negara Malaysia expects the consumer price inflation to exceed 6% in June, following the adjustment in petrol prices by 40.6% and diesel prices by 63.3%, says Governor Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

“While domestic inflation is expected to remain elevated for the remaining part of this year and early next year, it is expected to moderate in the second half of 2009,

KUALA LUMPUR: The Government will study the move by the Public Services Department to increase the scholarship quota for non-bumiputras to 45%.

"We will look at it first," Deputy Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak told reporters Wednesday after launching a book titled Ibrahim Pahlawan Melayu written by former Armed Forces Chief Jen (Rtd) Tun Ibrahim Ismail at the Defence Ministry here

Tak Puas Hati !!!!!!!!!!!!!!!!!!!!!

%&*((\$^&%#@%\$!@#\$!@#\$!@#\$!@#%@\$^@#%\$@!@#%\$()_+_%\$&.

45% pun nak studi. Studi aper???? Bagi jer lah!!!!

Turunkan dollah dan pak jib

By crazyidiot on [July 9, 2008 4:27 PM](#)

Tun,

Buat lah parti sendiri.. Kesaksamaan.. maka lengkaplah politik negara dengan adil dan saksama.

By Benderbuzz on [July 9, 2008 4:28 PM](#)

Salam Tun.

Dalam akhbar Utusan semalam, Menteri Belia & Sukan bertegas bahawa ganjaran sejuta ringgit tetap akan diberikan kepada atlit yang mendapat pingat emas di olimpik.

Apa beliau fikir itu wang "Pak Yaakub?" (Bapanya). Kenapa menteri langsung tidak sensitif dengan kritikan rakyat yang menentang keputusan tersebut. Bukankah itu wang rakyat yang diperolehi daripada pelbagai jenis cukai?

Apakah rakyat tiada hak untuk bersuara atau ganjaran tersebut sudah ada dalam peruntukan RMK-9? Musykil saya, Tun...

By crazyidiot on [July 9, 2008 4:31 PM](#)

Bukan billion billion jer.. dah berpuluh puluh bilion dah.. dia orang bukan main rasuah kecil.. dia orang dah main rasuah terbesar. tetapi yang kecil itu sahaja yang kena tangkap... yang besar itu dia tutup mata... mana itu ACA? tak tahu malu punya ACA... harapkan pagar, pagar bagi burung makan padi...kalau ACA pun macam itu... nak apa lagi Royal ACA???? lepas tu Royal Royal ACA??..hahahaha..tak guna betul...

By mrnawie on [July 9, 2008 4:52 PM](#)

Salam buat Tun N Family,

masa pemerintahan Tun dulu, pembangkang n anwar sibuk melabelkan Tun dgn nepotisma lah kronism dan mr10% kononnya.tapi skrg bila nepotisma n kronism berleluasa mereka tak cakap apapun.semacam ada konspirasi untuk mentalkinkan negara yg direstui oleh satu kuasa besar!
yg pasti Tun masih tinggal dirumah yg sederhana yg dikelilingi oleh mahligai/mansion di

The Mine.kekadang malu rasanya nak beritahu orang luar itu rumah bekas Perdana Menteri M'sia.

Anyway bercakap pasal Perdana Menteri skrg yg dikatakan KORUP,teringat tindakan beliau selepas menjadi PM.

Pemberian RM3juta kepada Ketua Bahagian sebagai wang pembangunan insan merupakan RASUAH POLITIK yg paling jelas n nyata.Berselindung dibawah nama Pembangunan Insan,ketaatan Ketua Bahagian UMNO dibeli. Adalah sukar untuk Ketua Bahagian untuk tidak mengikut telunjuk political masternya!

Sebenarnya sistem kuota bukan penghalang cuma merumitkan sedikit proses pencalonan! Dgn yg demikian saya percaya baik Ku Li maupun sesiapa hanya mampu memasang niat sahaja kerana lebih kurang 2500 perwakilan yg diberi kuasa menentukan pucuk pimpinan adalah penerima Dana Pembangunan Insan!Ini ditambah dgn kenyataan PM yg terbaharu iaitu membenarkan "DERMA" disalurkan kpd parti ala derma golongan lobi Amerika Syarikat.Oleh itu usah kita terkejut beruk kalau penyumbangnyanya nanti adalah Halliburton dan syarikat besar yg dikuasai oleh Neo-Conservative yg pemimpinnnya antara lain adalah Donald Rumsfeld, Dick Cheney dan Paul Walfowitz(kawan baik Anuar)

Oleh kerana agak mustahil untuk Umno menukar pucuk pimpinan sedia ada apakah pilihan kita?

Harapan yg ada cuma satu..... TUN

Melihat pada hit blog Tun,disarankan Tun form parti politik baru.Dgn sekelip mata parti Tun akan ada lebih 3 juta ahli.UMNO saya kira dah tak boleh nak disalvage lg so marilah kita rakyat m'sia salvage this belove nation of our.

Dear Tun,

WE BEG U TO LEAD THIS NATION AGAIN

When Dato Onn Jaafar left UMNO the political scenario is different, I'am very sure history won't be repeated in your case.

By mannsanni on [July 9, 2008 5:25 PM](#)

Dah banyak komen kat sini. Saya setuju semuanya walaupun blom baca semuanya. Saya cuma nak doakan semoga Tun sentiasa sehat dan dapat terus memberikan panduan kepada kami yang sedang tersepit ni. Assalamualaikum.

By crazyidiot on [July 9, 2008 6:37 PM](#)

One Chinese person walks into a bar in America late one night and he saw

Steven Spielberg.

As he was a great fan of his movies, he rushes over to him, and asks for his autograph.

Instead, Spielberg gives him a slap and says "You Chinese people bombed our Pearl Harbor, get out of here."

The astonished Chinese man replied "It was not the Chinese who bombed your Pearl Harbor, it was the Japanese".

"Chinese, Japanese, Taiwanese, you're all the same," replied Spielberg.

In return, the Chinese gives Spielberg a slap and says "You sank the Titanic, my forefathers were on that ship."

Shocked, Spielberg replies "It was the iceberg that sank the ship, not me."

The Chinese replies, "Iceberg, Spielberg, Carlsberg, you're all the same."

ICEBERG, SPEILBERG, CARLSBERG semua sama
ISA, ACA, USA, OSA semua sama

By fawz on [July 9, 2008 7:27 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Izinkan saya sampaikan "message" saya kepada Mr. Abi & Antimamak

Dear Abi,

You seem to have an excellent record of Tun Dr. Mahathir's criminal wrong doings, why don't you make a police report about it? Produce all the solid evidence of Tun Dr. Mahathir's evil deeds and let him face the music. Why wait? There is nothing to be afraid of, after all Tun Dr. Mahathir is no longer in power. Once Tun Dr. Mahathir is convicted based on your solid evidences, you will definitely be rewarded by Prime Minister Abdullah Badawi, de-facto opposition leader Anwar Ibrahim and perhaps even from Lim Kit Siang and Karpal Singh. Maybe the people of Malaysia will also congratulate and thank you for your good deed.

Peace be with you.

Thank you,

Tuan Antimamak,

Anda telah membuat tuduhan yang amat serius, tunjukan bukti nyata dan buatlah aduan Polis. Biar Tun di bawa ke muka pengadilan. Sekarangkan lain, Pak Lah yang berkuasa, lebih terbuka. Semua jabatan Kerajaan telah dibersihkan oleh Mr. Clean, a.k.a Mr. Transparent, kenapa pula berlengah lengah lagi? Heret Tun Dr. Mahathir ke muka

pengadilan. Tun Salleh Abas dan Ian Chin boleh jadi Hakim. Zaid Ibrahim pula boleh jadi Pendakwa Raya.

Salam Bro!

By Ahmad Joe on [July 9, 2008 9:50 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Tertarik jugak ada dengar permintaan agar Tun masuk PAS. Pendapat peribadi saya, tak payah lah Tun. Buang masa saja PAS ni. Kalau ceramah agama depa saya amat sokong, malahan saya sendiri ada mengikuti kelas2 ceramah TG Nik Aziz, TG Hadi Awang dan lain2. Akan tetapi dari segi politik, minta maaf terdahulu saya ucapkan, depa TAKUT dengan roket. Perati betui2. Kalau tak percaya, cabaran saya mintak lah ahli2 parlimen PAS yang duduk dalam parlimen tu cakap pasai negara Islam. Haa.. tengok lah berapa banyak roket terbang.

Kut macamanapun PAS sangat2 perlukan Raket. Kalau silap cakap, roket tak suka, jadi kes naya. Tu yang boleh jadi cakap fatwa tunggang terbalik. Orang lain tak boleh, depa boleh.

P/s: Ahli PAS jangan Marah na.. Itu realiti sekarang.

By WS on [July 9, 2008 10:10 PM](#)

Tun yang dihormati;

Kadangkala apabila sesaorang itu terlalu gilakan akan KUASA, maka dia akan menjadi mudah lupa dan sesaorang itu akan membuat bahawa HARTA Negara adalah milik peribadinya.

Benar akan kata kata Tun, bahawa kita mesti ada perancangan dan aturcara yang baik apabila menggunakan Wang Negara.

Kini wang Negara dibelanjakan sesuka hati tanpa ada perkiraan yang wajar. Perdana Menteri kita telah memberi kepada Sabah dan Sarawak dana tambahan sebanyak RM 1 Billion, katanya untuk projek pembangunan luar bandar. Apakah semua ini benar? Semua Ahli Parlimen mendapat RM 1 Juta. Percayalah, rasuah akan bertambah dan menjadi jadi. Apakah kah niat Perdana Menteri ini? Semua ini dalah kerana takut ada 'katak katak' lompat ke kolam lain.

Semua Projek koridor mendapat dana sebanyak RM 2 Billion setiap satu. Setahu saya, semua Projek koridor ini akan dilaksanakan di bawah ' Private Financing Initiative'.

Saya nampak banyak salah guna kuasa didalam cara membelanjakan dan menggunakan wang Negara di zaman pentadbiran Perdana Menteri kita sekarang.

Semoga semua Rakyat jelata sedar dan 'buka mata' akan salah laku ini.

By ttlebon80 on [July 10, 2008 2:49 AM](#)

To blogger Crazydiot. Heard of the joke b4 but the ending is quite classic. Well done.

By hmm... erk on [July 10, 2008 6:17 AM](#)

mati semut..., pasal gula. tak kira la.. gula kabong, gula batu...

By anniza on [July 10, 2008 10:40 AM](#)

Salam buat Tun,

Selamat menyambut ulangtahun kelahiran..., semoga Tun sihat sejahtera dan masih dapat berbakti pada kami generasi muda kini.

Sebagai rakyat saya semakin risau dgn apa yg berlaku pd Malaysia hari ini, kami sebenarnya tertanya-tanya apa akan terjadi pd kami andai politik hari ini kucar-kacir dan para menteri , YB dan ADUN mementingkan diri sendiri, tahu tak mereka yg kami berkerja keras untuk kehidupan yg lebih sempurna pd masa hadapan, tahu tak mereka yg kami terpaksa memekakkan telinga dimarahi oleh orang atasan demi gaji yg hanya purata RM1500 sebulan, tahukah mereka kami bersengkang mata dan kadangkala mkn maggie bagi menampung keperluan seharian, sekarang semua hendak dibayar..., semua harga dah naik, menteri2 yg kerja meeting, sain paper, naik kereta mewah mcm tak buat apa2, cakap je nak buat itu nak buat ini... tapi tak nampak apa2 pun..., masing2 sibuk dgn agenda peribadi, sibuk nak dapat nama, bukan nak kaji masalah yg menimpa secara keseluruhan, hanya memandang apabila ianya dilapor oleh org2 kuat mereka. Pada siapa kami hendak mengadu..., kami umpama merempat di negara sendiri.

By Mat SUDAN on [July 10, 2008 10:44 AM](#)

Assalamualaikum TUN & family.

Semuanya benar TUN, tidak lain yg.tidar benar melainkan benar belaka apa yang mereka perkatakan diatas. Untuk pegetahuan saudara/saudari, tambahan informasi saya di sini bukan untuk memfitnah atau memburukkan kerajaan Malaysia hari ini.. tapi kenyataan. Biarkan fahaman politik di ketepikan buat masa ini.

Saya merupakan kaikitangan PETRONAS yg. diamanahkan berkerja di negara penganuar minyak di Middle East. Tujuan adalah membawa balik hasil (profit) ke negara kita Malaysia (Bukan untuk PETRONAS sebenarnya), untuk menjana ekonomi Malaysia yang kian hari menampakkan banyak penyelewengan di dalam pengurusannya. Jadi, atas amanah ini, kami (ramai warga petronas di sini)selalu berulang-alik melalui Qatar,UEA & Saudi Arabia. Kami selalu berinteraksi dengan rakyat semua negara (bukan orang arab sahaja). Mereka-mereka ini sebenarnya banyak tahu negara Malaysia,

bukan hanya perkara yang berkait dengan penyertaan Malaysia di pentas dunia, tapi juga isu politik, isu semasa, jenayah di Malaysia & sebagainya. Jadi atas dasar ini mereka selalu bertanya, kemana perginya Mahatir (mereka tak kenal TUN tapi mereka kenal wajah & MAHATIR sahaja). Mereka kenal Mahatir yang sentiasa memberi pandangan bernas dan lantang apabila berada di pentas dunia (terumanya dalam memberi pandangan untuk memaju semua negara islam di dunia). Bukan macam PM sekarang, mereka kenal dengan "sleepy PM". Malah di dada akbar mereka, kenapa undi kerajaan Malaysia merosot, jawapan mereka ialah kerana Malaysia diketuai oleh ketua yang kuat tidur(siap dengan gambar AAB tidur dalam dewan).

So, message kami disini.., negara Middle east sekarang tidak lagi mengenali Malaysia yang mempunyai pemimpin yang berani, tapi mempunyai pemimpin yang tidak mempunyai 'karisma'. Mereka tidak lagi menjadikan Malaysia sebagai 'rule model' dalam sektor pembangunan ataupun pertumbuhan ekonomi, tapi menjadikan Malaysia sebagai contoh negara yang mempunyai pemimpin yang suka kepada jenayah, tidak kira jenayah politik dan sebagainya. (Kes bunuh Altantuya, kes tuduh menuduh dikalangan pemimpin, fitnah & sebagainya tidak terlepas dari liputan di akhbar mereka). Kami kadang2 malu untuk mengaku rakyat Malaysia pada masa ini, tapi apabila mereka bercerita tentang usaha Malaysia (sebelum ini) ke arah kesejahteraan Islam sejagat, kami bangga menjadi ANAK MALAYSIA.

So.. buang seketika perasaan benci, prasangka buruk, politik dan sebagainya, renung sejenak, adakah kita masih lagi memerlukan "Kerajaan negative" dimata dunia ini..?, tepuk dada, tanya iman/hati.

TUN, teruskan usaha murni dalam menegakkan sesuatu yang benar.
Semoga di berkati Allah.

Without Prejudice.

From SUDAN with love..
Mat.

By mrace on [July 10, 2008 10:46 AM](#)

Assalamualaikum

Dear Tun,

Its really funny, many malaysian dont seem to understand what DICTATOR means , yet they use the word DICTATOR so much. But If you say pemerintahan KUKU BESI rasa ada yang faham. When you were in office we didnt feel all these, DICTATOR OR KUKU BESI LEADER

Anothe common word for RASUAH, during your time rasuah means BRIBE

why why cant people realise how much you have done for the country, especially for the Malays and also not forgetting other races.

I am sure for those at one time who wanted you out, very much regret it now.

My only wish now , Tun if its possible for you to come back, i believe 95% will want you back.

I dont think any where in this world there is an ex prime minister or president, who will take all the troubles educating the people and the public ,because you truly feel the people have the right to know.

we understand what you say here is for the good of Malaysia and its citizen.

So may you and your family be in the Blessin Of Allah always.

mrace

By ahmads on [July 10, 2008 11:07 AM](#)

Salam Baik Tun,

Apa Yang Pak Lah buat sekarang ialah to do "damage control". Imej parti UMNO yang dia terajui sebenarnya sudah hancur dimata rakyat kerna deputynya pun ada skandal. Jadi untuk mengekalkan lebih lanjut kemusnahan parti BN dia berilah gula-gula kepada parti-parti yang mengugut UMNO untuk berpaling tadah kepada parti pembakang. Dulu Tun teraju mana ada gula-gula atau popsicle yang Tun berikan kepada mereka yang berpaling tadah. Solusi kepada parti yang berpaling tadah ialah pecat mereka dari BN. Kalau mereka buat sedition ISA ada. Sometimes we have to be tough to get the job done. Contohnya seperti Iraq, Saddam berkuku besi kerna rakyatnya ialah golongan yang mengganas. Jadi dia terpaksa mengekalkan dirinya sebagai diktator untuk mengamankan negerinya. Lihat apa jadi sekarang lebih teruk dikerjakan oleh Amerika demi demokrasi. Rakyat lebih merana.... Wallahualam bisawab. Terimakasih.

By suhainin suhaibol on [July 10, 2008 11:07 AM](#)

Assalamualaikum;

Tidak salah memberikan gula-gula kepada rakyat cuma apa-yang kita takuti ialah kelak gigi rakyat akan reput...kalau gigi dah reput Pemerintah akan melakukan sesuka hati mereka....mungkin inilah yang AAB harapkan.

Seperti biasa rakyat bersikap?
...kalau duduk selesa rakyat
akan duduk diam...itu Tujuan
AAB....Kalau rakyat ketagih
gula-gula kelak kerajaan
juga yang akan dapat susah.

Menabur wang tidak salah
andainya sudah termasuk dalam
perkiraan....semakin banyak aliran
tunai dalam negara adalah semakin
baik asalkan ianya terkawal dan di
tadbir urus dengan baik.

Rakyat Malaysia boleh hidup
sebagai jutawan jika Wang
sebanyak 200 billion untuk orang
miskin sepertimana yang diumumkan
di awal pemerintahan AAB disalurkan
kepada rakyat dengan menipu
dan memanipulasi inflasi.Bagaimana
caranya? bermain silapmata dengan ekonomi
dan merahsiakan penyaluran wang tersebut...
dengan tujuan untuk menipu ekonomi negara.
Adakalanya penipuan dengan tujuan
baik itu amat praktikal.....Selama ini
semua ahli ekonomi menurut setiap
prinsip ekonomi....bagi saya adakalanya
prinsip ekonomi dapat di tipu dengan
memutarbelitkannya...sama macam tambatan
Ringgit kepada Dollar sebagaimana yang
Tun pernah lakukan.....
sekian...jangan pula anda lebalkan saya
sebagai penipu...pemain silapmata...saya akui.

By fdz08 on [July 10, 2008 11:20 AM](#)

Dear Tun,

Selamat Ulangtahun ke 83. Semoga Tun masih lagi sihat untuk teruskan misi menyelamatkan Malaysia. Saya setuju sangat dengan komen Tun berkenaan isu Gula-gula ni. Bagi saya, rakyat takkan mudah dibeli dengan apa yang kerajaan telah berikan, sebaliknya kita harus lebih berani untuk beritahu mereka yang apa yang mereka lakukan hanyalah akan buat rakyat makin menyampah. Bukan ini caranya nak betulkan keadaan sekarang yang makin lama makin teruk, e,g politik, ekonomi, sosial.

Saya harap Tun akan teruskan usaha untuk "menegur" kerajaan sekarang ini dan kami semua akan berada di belakang Tun 1000%.

By tengkolok on [July 10, 2008 11:28 AM](#)

Salam Tun,

Mengkritik dari luar memanglah tersangat mudah. Dan meminjam kata-kata sakti Tun sendiri, MELAYU sememangnya MUDAH LUPA. Tetapi lupakah Tun bahawa pada masa pemerintahan Tun sendiri, anda telah dengan mudah membelanjakan wang yang BUKAN kepunyaan kerajaan dengan sesuka hati? Apakah anda lupa bagaimana anda menggunakan wang KWSP dll? Anda juga mungkin sudah lupa bagaimana anda membelanjakan wang Petronas untuk mem"bailout" perniagaan anak anda yang mengalami kerugian? Anda lupakah berapa banyak "bailouts" yang telah anda lakukan demi kepentingan kroni-kroni anda???

Memang mudah memberikan berbagai alasan bahawa anda langsung tidak bertanggungjawab terhadap "bailout" sykt anak anda dan Petronas melakukannya demi kepentingan sykt itu sendiri atau demi kepentingan negara bla, bla bla... Tetapi sediakah anda mengaku bahawa jika otang tersebut bukan berbinkan Mahathir Mohamed, maka Petronas akan melakukan "bailout" tersebut?

MELAYU MEMANG MUDAH LUPA..... dan andalah PENYEBAB kepada semua penyakit politik yang sedang berleluasa di negara ini sekarang.

If you have any conscience at all, you would admit to the whole world that you are the father of all corruptions in this country. You and your cabinet members have destroyed the independency of the police and justice department for your ownselves disguising behind the Malay Agenda.

Anda lupa bahawa setiap perbuatan di dunia akan ada balasannya di akhirat kelak, atau mungkin anda tidak percaya? Rakyat tidak pernah akan memaafkan anda kecuali anda mengaku dan memohon maaf secara terbuka terhadap kesemua salahlaku anda semasa anda berkuasa.

You are The Father of All Corruptions in this beloved country.

Melayu Memang Mudah Lupa.....

By Jembalang Tanah on [July 10, 2008 11:53 AM](#)

Says 'NO' for Pak Lah..... & Says 'YES' to Pak Lah for Blah... from our Government @ country

PM yang menjahanamkan negara dan rakyat patut disingkirkan dari bumi MERDEKA ini....

By jeffry05 on [July 10, 2008 12:02 PM](#)

salam Tun..,

apa yang ingin saya katakan di sini adalah mungkin kesilapan Pak Lah kerana membebaskan DSAI dari kesalahan beliau.., Ia umpama melepaskan anjing yang tersepit..., oleh kerana ini politik negara huru hara dan ekonomi negara tak menjadi. berbilion ringgit dibelanjakan untuk koridor raya selatan utara timur dan barat.., tapi apa bila kenaikan harga minyak melambung subsidi ditarik sedikit, kan elok duit untuk pembangunan koridor itu di tarik balik untuk menampung kos kenaikan minyak.., dari di lepaskan ke kepala rakyat.., zaman tun dulu semuanya ok...,takda hal walaupun ada satu dua perkara yang rakyat kurang senang tapi akhirnya mereka juga yang menikmati semuanya..., sabah serawak ini pun satu hal mereka mempunyai banyak hasil bumi,seperti kayu balak dan minyak.walaupun royalti yang di terima tidak seberapa kemana perginya duit itu...,mengapa tidak dimajukan dari hasil bumi yang ada.., mungkin kerana menteri menteri di sana lebih pentingkan diri sendiri ddari rakyat mereka..dan apabila diajukan soalan tentang kemajuan dan pembangunan mereka lemparkan kepada kerajaan pusat.., sedang mereka mereka ini hidup semewah mewahnya..., kadang kita kena tengok jugak dari segala aspek yang ada disekeliling kita...,

sekian, semoga Tun Sihat selalu...

wasalam... jeffry05

By LonelyTraveler on [July 11, 2008 12:39 AM](#)

Dear Tun,

Do you know that you are my hero? I really miss the time when you are in charge. I pray to God that you continue to enjoy good health and continue to fight for us.

Love you so much

Lonely Traveler